HALAMAN KOSONG

6 Rajah 6 menunjukkan sebuah segi tiga ABC. Titik N terletak pada garis lurus CB dengan keadaan $CB = 3CN$.

Diagram 6 shows a triangle ABC. Point N lies on the straight line CB such that CB = 3CN.



Rajah 6

Diagram 6

Diberi bahawa $\overrightarrow{AC} = 8\underset{\sim}{x}$, $\overrightarrow{AM} = 6\underset{\sim}{y}$, $\overrightarrow{MB} = 4\underset{\sim}{y}$ dan $\overrightarrow{AQ} = n\overrightarrow{AN}$.

It is given that $\overrightarrow{AC} = 8\underset{\sim}{x}$, $\overrightarrow{AM} = 6\underset{\sim}{y}$, $\overrightarrow{MB} = 4\underset{\sim}{y}$ *and* $\overrightarrow{AQ} = n\overrightarrow{AN}$.

(*a*) Ungkapkan dalam sebutan $\underset{\sim}{x}$ dan $\underset{\sim}{y}$ bagi

Express in terms of $\underset{\sim}{x}$ *and* $\underset{\sim}{y}$ *of*

(i) $\overrightarrow{CM}$,

(ii) $\overrightarrow{CN}$.

[4 markah]
[4 *marks*]

(*b*) (i) Ungkapkan $\overrightarrow{CQ}$ dalam sebutan n, $\underset{\sim}{x}$ dan $\underset{\sim}{y}$.

Express $\overrightarrow{CQ}$ *in terms of* n, $\underset{\sim}{x}$ *and* $\underset{\sim}{y}$.

(ii) Seterusnya, cari nilai bagi n jika titik-titik C, Q dan M adalah segaris.

Hence, find the value of n if points C, Q and M are collinear.

[5 markah]
[5 *marks*]

Jawapan / *Answer* :

7 Garis lurus $x + 2y - 10 = 0$ memotong lengkung $5x^2 - 2xy = 24$ pada dua titik yang berlainan. Cari koordinat bagi titik-titik persilangan itu.

The straight line $x + 2y - 10 = 0$ *cuts through the curve* $5x^2 - 2xy = 24$ *at two different points. Find the coordinates of the intersection points.*

[5 markah]
[5 *marks*]

Jawapan / *Answer* :

HALAMAN KOSONG

Bahagian B

[30 *markah*]

Bahagian ini mengandungi **empat** *soalan. Jawab* **tiga** *soalan.*

8 Rajah 8 menunjukkan satu bongkah silinder dengan isi padu 256π cm^3. Dua hemisfera yang sama dengan jejari r cm dikeluarkan dari setiap hujungnya.

Diagram 8 shows a solid cylinder with volume 256π cm^3. *Two identical hemispheres with radius* r cm *are removed from each end.*



Rajah 8
Diagram 8

(*a*) Tunjukkan bahawa jumlah luas permukaan, A cm^2, bagi baki bongkah yang tertinggal itu diberi oleh $A = 4\pi r^2 + \frac{512\pi}{r}$.

[Luas permukaan sfera $= 4\pi r^2$]

Show that the total surface area, A cm^2, *of the remaining solid is given by* $A = 4\pi r^2 + \frac{512\pi}{r}$.

[*Surface area of sphere* $= 4\pi r^2$]

[3 markah]
[3 *marks*]

(*b*) Hitung jumlah luas permukaan minimum, dalam sebutan π, bagi baki bongkah yang tertinggal itu.

Calculate the minimum total surface area, in term of π, *of the remaining solid.*

[4 markah]
[4 *marks*]

(*c*) Baki bongkah yang tertinggal itu dipanaskan dan kadar perubahan jumlah luas permukaan bagi bongkah tersebut ialah 84π cm^2 s^{-1}. Hitung kadar perubahan jejari bongkah tersebut apabila jejarinya ialah 8 cm.

The remaining solid is heated and the rate of change of its total surface area of the solid is 84π cm^2 s^{-1}. *Calculate the rate of change of the radius of the solid when its radius is* 8 cm.

[3 markah]
[3 *marks*]

Jawapan / *Answer* :

9 Penyelesaian secara lukisan berskala tidak diterima.
Solution by scale drawing is not accepted.

Rajah 9 menunjukkan segi tiga ABC. Titik-titik $P(3, 8)$, $Q(9, 6)$ dan $R(6, 4)$ masing-masing adalah titik tengah bagi garis lurus AB, BC dan AC.
Diagram 9 shows a triangle ABC. The points P(3, 8), Q(9, 6) and R(6, 4) are midpoints of the straight lines AB, BC and AC respectively.



Rajah 9
Diagram 9

$APQR$ membentuk sebuah segi empat selari. Garis lurus AB menyilang paksi-y di titik A dan persamaan garis lurus AB ialah $3y = 2x + 18$. Garis lurus AB dipanjangkan sehingga bersilang dengan pembahagi dua sama serenjang garis lurus AC pada titik M.
$APQR$ forms a parallelogram. The straight line AB intersect the y-axis at point A and the equation of straight line AB is $3y = 2x + 18$. Straight line AB is extended until it intersects with the perpendicular bisector of straight line AC at point M.

(*a*) Cari
Find

(i) persamaan pembahagi dua sama serenjang garis lurus AC,
the equation of the perpendicular bisector of straight line AC,

(ii) koordinat M.
coordinates of M.

[5 markah]
[5 *marks*]

(*b*) Jika garis lurus AQ dipanjangkan ke titik G dengan keadaan $AQ : QG = 2 : 3$, cari koordinat G.
If the straight line AQ is extended to a point G such that $AQ : QG = 2 : 3$, find the coordinates of G.

[2 markah]
[2 *marks*]

(c) Hitung luas segi tiga *AGC*.
Calculate the area of triangle AGC.

[3 markah]
[3 *marks*]

Jawapan / *Answer* :

10 (*a*) Pemboleh ubah rawak selanjar X bertaburan normal dengan min 12 dan sisihan piawai σ. Diberi bahawa skor-z ialah 2.25 apabila $X = 16.5$.

X is a continuous random variable which normally distributed with mean 12 *and standard deviation* σ. *It is given that z-score is* 2.25 *when* $X = 16.5$.

Cari

Find

(i) nilai σ,

value of σ,

(ii) nilai k apabila $P(X > k) = 0.7145$.

value of k *when* $P(X > k) = 0.7145$.

[5 markah]

[5 *marks*]

(*b*) Kebarangkalian kelas 5 Khaldun menang dalam perlawanan futsal antara kelas ialah $\frac{3}{7}$.

Jika kelas 5 Khaldun mengambil bahagian dalam 6 kali perlawanan, cari kebarangkalian bahawa

The probability of class 5 *Khaldun win a futsal match between classes is* $\frac{3}{7}$. *If class* 5 *Khaldun participates in* 6 *matches, find the probability that*

(i) kelas 5 Khaldun kalah semua perlawanan,

class 5 *Khaldun lose all matches,*

(ii) kelas 5 Khaldun menang lebih daripada 2 perlawanan.

class 5 *Khaldun win more than* 2 *matches.*

[5 markah]

[5 *marks*]

Jawapan / *Answer* :

Jawapan / *Answer* :

11 Guna kertas graf untuk menyelesaikan soalan ini.
Use the graph paper to solve this question.

Jadual 11 menunjukkan nilai-nilai bagi dua pemboleh ubah, x dan y, yang diperoleh daripada suatu eksperimen. Pemboleh ubah x dan y dihubungkan oleh persamaan $2y + \frac{6q}{x} = p$, dengan keadaan p dan q adalah pemalar.

Table 11 *shows the values of two variables, x and y, obtained from an experiment. The variables x and y are related by the equation* $2y + \frac{6q}{x} = p$, *where p and q are constants.*

x	1	3	4	5	6	8
y	6.0	3.3	3.0	2.8	2.7	2.5

Jadual 11
Table 11

(*a*) Berdasarkan jadual di atas, bina jadual bagi nilai-nilai xy.
Based on table above, construct a table for the values of xy.

[1 markah]
[1 *mark*]

(*b*) Plot xy melawan x, menggunakan skala 2 cm kepada 1 unit pada paksi–x dan 2 cm kepada 2 unit pada paksi–xy. Seterusnya, lukis garis lurus penyuaian terbaik.
Plot xy against x, using a scale of 2 cm *to* 1 unit *on the x–axis and* 2 cm *to* 2 units *on the xy–axis. Hence, draw the line of best fit.*

[3 markah]
[3 *marks*]

(*c*) Gunakan graf di **11**(*b*) untuk mencari nilai
Use the graph in **11**(*b*) *to find the value of*

(i) y apabila $x = 7$,
y *when* $x = 7$,

(ii) p,

(iii) q.

[6 markah]
[6 *marks*]

Jawapan / *Answer* :

Bahagian C

[20 *markah*]

Bahagian ini mengandungi **empat** *soalan. Jawab* **dua** *soalan.*

12 Penyelesaian secara lukisan berskala tidak akan diterima.
Solution by scale drawing will not be accepted.

Rajah 12 menunjukkan dua buah segi tiga *ABC* dan *CDE* dengan keadaan *BCD* ialah garis lurus.
Diagram 12 *shows two triangles ABC and CDE such that BCD is a straight line.*



Rajah 12
Diagram 12

Diberi bahawa $AC = 4.916$ cm, $BC = 5.280$ cm, $DE = 6.025$ cm dan garis *AB* adalah selari dengan garis *EC*.
It is given that $AC = 4.916$ cm, $BC = 5.280$ cm, $DE = 6.025$ cm *and line AB is parallel to line EC.*

(*a*) Hitung
Calculate

(i) panjang, dalam cm, bagi *AB*, betul sehingga tiga tempat perpuluhan,
the length, in cm, *of AB, correct to three decimal places,*

(ii) $\angle DCE$,

(iii) luas, dalam cm^2, bagi segi tiga *CDE*.
area, in cm^2, *of the triangle CDE.*

[8 markah]
[8 *marks*]

(*b*) Titik *C'* terletak pada *CD* dengan keadaan $CE = C'E$.
Point C' lies on CD such that $CE = C'E$.

(i) Lakar dan label segi tiga *C'DE*.
Sketch and label the triangle C'DE.

(ii) Nyatakan nilai bagi $\angle DC'E$.
State the value of $\angle DC'E$.

[2 markah]
[2 *marks*]

Jawapan / *Answer* :

13 (*a*) Indeks harga pada tahun 2023 berasaskan tahun 2022 dan tahun 2021 adalah masing-masing 120 dan 135. Diberi harga bahan ialah RM45 pada tahun 2022, cari harga bahan pada tahun 2021.

The price index for the year 2023 *based on the year* 2022 *and year* 2021 *are* 120 *and* 135 *respectively. Given the price item is* RM45 *for the year* 2022, *find the price item for the year* 2021.

[3 markah]
[3 *marks*]

(*b*) Jadual 13 menunjukkan harga bagi tiga bahan bagi pengeluaran sebuah kipas, *P*, *Q* dan *R*, pada tahun 2022 dan tahun 2023, berserta dengan pemberat masing-masing.

Table 13 *shows the prices for three items in the production of a fan, P, Q and R, for the year* 2022 *and year* 2023, *together with the weightages respectively.*

Bahan *Item*	**Harga (RM) pada tahun 2022** *Price* **(RM)** *in the year* **2022**	**Harga (RM) pada tahun 2023** *Price* **(RM)** *in the year* **2023**	**Pemberat (%)** *Weightage* **(%)**
P	70.00	105.00	*y*
Q	80.00	100.00	*x*
R	60.00	67.50	2*x*

Jadual 13
Table 13

(i) Menggunakan tahun 2022 sebagai tahun asas, hitung indeks harga bagi bahan *P*, *Q* dan *R*.

By using year 2022 *as the base year, calculate the price index for item P, Q and R.*

(ii) Diberi indeks gubahan bagi kipas itu pada tahun 2023 berasaskan tahun 2022 ialah 140, cari nilai bagi *x* dan *y*.

Given the composite index of the fan for the year 2023 *based on the year* 2022 *is* 140, *find the value of x and y.*

[7 markah]
[7 *marks*]

Jawapan / *Answer* :

14 Gunakan kertas graf untuk menjawab soalan ini.

Use graph paper to answer this question.

Sebuah syarikat pemborong merancang untuk menjual biskut coklat dan biskut keju yang akan dipek dalam dua jenis tin, Tin *A* dan Tin *B*. Setiap Tin *A* mengandungi 100 keping biskut coklat dan 80 keping biskut keju manakala setiap Tin *B* mengandungi 60 keping biskut coklat dan 120 keping biskut keju. Syarikat ini akan menggunakan x buah Tin *A* dan y buah Tin *B*, berdasarkan syarat-syarat berikut:

A whole sale company plans to sell chocolate biscuits and cheese biscuits that will be packed in two types of tins, Tin A and Tin B. Each Tin A contains 100 *pieces of chocolate biscuits and* 80 *pieces of cheese biscuits whereas each Tin B contains* 60 *pieces of chocolate biscuits and* 120 *pieces of cheese biscuits. The company will use x units of Tin A and y units of Tin B, based on the following conditions*:

I Bilangan biskut coklat yang dijual tidak melebihi 6 600.

The number of chocolate biscuits being sold must not exceed 6 600.

II Bilangan minimum biskut keju yang dijual ialah 4 800.

The minimum number of cheese biscuit being sold is 4 800.

III Jumlah bilangan Tin *B* mesti sekurang-kurangnya 2 kali jumlah bilangan Tin *A*.

The total number of Tin B must be at least 2 *times the total number of Tin A.*

(*a*) Tulis tiga ketaksamaan, selain daripada $x \geq 0$ dan $y \geq 0$, yang memenuhi semua syarat di atas.

Write three inequalities, other than $x \geq 0$ *and* $y \geq 0$, *which satisfy all of the above conditions.*

[3 markah]
[3 *marks*]

(*b*) Menggunakan skala 2 cm kepada 10 unit pada kedua-dua paksi, bina dan lorekkan rantau *R*, yang memenuhi semua syarat di atas.

Using a scale of 2 cm *to* 10 units *on the both axes, construct and shade the region R that satisfies all the above conditions.*

[3 markah]
[3 *marks*]

(*c*) Guna graf di 14(*b*) untuk menjawab soalan berikut:

Use the graph in 14(*b*) *to answer the following questions*:

(i) Jika syarikat itu menetapkan untuk menjual 15 Tin *A*, cari julat bilangan Tin *B* yang akan dijual.

If the company decided to sell 15 *Tin A, find the range of number of Tin B to be sold.*

(ii) Hitung keuntungan maksimum yang akan diperoleh oleh syarikat itu jika keuntungan daripada satu Tin *A* dan keuntungan daripada satu Tin *B* masing-masing ialah RM50 dan RM25.

Calculate the maximum profit that the company will gain if the profit per Tin A and the profit per Tin B are RM50 *and* RM25 *respectively.*

[4 markah]
[4 *marks*]

Jawapan / *Answer* :

HALAMAN KOSONG

15 Satu zarah bergerak di sepanjang satu garis lurus dan melalui titik tetap O. Halaju zarah itu, v m s^{-1}, diberi oleh, $v = -12t^2 + 24t + 15$, dengan keadaan t ialah masa, dalam saat, selepas melalui O. Zarah itu mencapai halaju maksimum pada titik P, bertukar arah pada titik Q dan melalui titik R selepas 4 saat.

[Anggapkan pergerakan ke arah kanan itu positif]

A particle moves along a straight line and passes through a fixed point O. Its velocity, v m s^{-1}, *is given by* $v = -12t^2 + 24t + 15$, *where t is the time, in seconds, after passing through O. The particle reaches its maximum velocity at point P, changes its direction at point Q and passes through point R after* 4 *seconds.*

[*Assume motion to the right is positive*]

Cari
Find

(*a*) jarak, dalam m, bagi OP,
the distance, in m, *of OP,*

[4 markah]
[4 *marks*]

(*b*) julat masa, dalam saat, apabila zarah itu bergerak ke arah Q,
the range of time, in seconds, when the particle moves towards Q,

[3 markah]
[3 *marks*]

(*c*) jumlah jarak, dalam m, yang dilalui oleh zarah itu dari ketika ia meninggalkan P sehingga ia melalui R.
the total distance, in m, *travelled by the particle from the moment it leaves P until it passes through R.*

[3 markah]
[3 *marks*]

Jawapan / *Answer* :

Jawapan / *Answer* :

KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT

MODUL PINTAS TINGKATAN LIMA

2 JAM

3472/1

MATEMATIK TAMBAHAN

Kertas 1

NO. KAD PENGENALAN | | | | | | | - | | | - | | | | |

ANGKA GILIRAN | | | | | | | | | |

NAMA : .....

TINGKATAN : .....

ARAHAN :

1. **Jangan Buka Kertas Peperiksaan Ini Sehingga Diberitahu.**
2. *Tulis* **nombor kad pengenalan, angka giliran, nama, tingkatan** *anda pada ruang yang disediakan.*
3. *Kertas peperiksaan ini mengandungi* **dua** *bahagian*: **Bahagian A** *dan* **Bahagian B.**
4. *Jawapan hendaklah ditulis pada ruang jawapan yang disediakan di dalam kertas peperiksaan ini.*
5. *Kertas peperiksaan ini adalah dalam dwibahasa.*
6. *Jawapan boleh ditulis dalam bahasa Melayu atau bahasa Inggeris.*
7. *Rajah yang mengiringi soalan tidak dilukis mengikut skala kecuali dinyatakan.*
8. *Kerja mengira* **mesti** *ditunjukkan.*
9. *Jadual Kebarangkalian Hujung Atas* $Q(z)$ *Bagi Taburan Normal* $N(0,1)$ *disediakan di halaman* **4.**
10. **Kertas peperiksaan** *ini hendaklah diserahkan kepada pengawas peperiksaan pada akhir peperiksaan.*

Soalan	Markah Penuh	Markah Diperoleh
BAHAGIAN A		
1	3	
2	4	
3	6	
4	6	
5	5	
6	4	
7	3	
8	4	
9	8	
10	8	
11	5	
12	8	
JUMLAH	**64**	
BAHAGIAN B		
13	8	
14	8	
15	8	
JUMLAH	**16**	
JUMLAH KESELURUHAN MARKAH		

Kertas peperiksaan ini mengandungi 31 halaman bercetak dan 1 halaman tidak bercetak.

Bahagian A

[64 *markah*]

Jawab **semua** *soalan.*

1 Rajah 1 menunjukkan graf bagi fungsi linear $y = g(x)$ dan $y = g^{-1}(x)$ ialah pantulan graf itu pada garis $y = x$.

Diagram 1 *shows the graph of a linear function* $y = g(x)$ *and* $y = g^{-1}(x)$ *is the reflection of the graph in the line* $y = x$.



Rajah 1
Diagram 1

(*a*) Cari koordinat B', jika koordinatnya yang sepadan terletak pada graf $y = g(x)$.
Find the coordinates of B', *if the corresponding coordinates lies on the graph* $y = g(x)$.

(*b*) Menggunakan tatatanda fungsi, ungkapkan g dalam sebutan x.
Using the function notation, express g *in terms of* x.

[3 markah]
[3 *marks*]

2 Arif menawarkan perkhidmatan pembungkusan barang. Harga kos bagi setiap bungkusan barang ialah RM4.50 dan harga jualan ialah RM5.30. Secara purata, dia membelanjakan RM120.00 untuk caj pos n bungkusan barang tersebut.

Arif offers parcel packaging services. The cost price per package is RM4.50 *and selling price is* RM5.30. *On average, he spends* RM120.00 *on the postage charge of n parcels.*

(*a*) Jika f mewakili keuntungan daripada perkhidmatan pembungkusan barang tersebut, ungkapkan f dalam sebutan n.

If f represents the profit of parcel packaging service, express f in terms of n.

(*b*) Cari nilai bagi n untuk mendapatkan pulangan modal.

Find the value of n to get return capital.

[4 markah]
[4 *marks*]

Jawapan / *Answer*:

3 (*a*) Tunjukkan bahawa $6^{k+2} + 6^{k+1} - 18(6^k)$ boleh dibahagikan tepat dengan 24 bagi semua nilai integer positif k.

Show that $6^{k+2} + 6^{k+1} - 18(6^k)$ *is divisible by* 24 *for all positive integer values of* k.

[3 markah]
[3 *marks*]

(*b*) Diberi bahawa $5^a = s$ dan $5^b = t$. Ungkapkan $\log_{25} \frac{s^2}{5t}$ dalam sebutan a dan b.

It is given that $5^a = s$ *and* $5^b = t$. *Express* $\log_{25} \frac{s^2}{5t}$ *in terms of* a *and* b.

[3 markah]
[3 *marks*]

Jawapan / *Answer*:

4 (*a*) Joviana menyusun 8 biji manik yang berlainan corak untuk membentuk seutas rantai tangan. Hitungkan bilangan pilih atur jika

Joviana arranges 8 beads with different patterns to form a bracelet. Calculate the number of permutation if

(i) kesemua manik tersebut digunakan,

all the beads are used,

(ii) hanya 5 biji manik digunakan.

only 5 beads are used.

[4 markah]
[4 *marks*]

(*b*) Khairul mempunyai 6 helai baju, 8 pasang seluar panjang dan 3 pasang kasut. Tentukan bilangan cara memilih 3 helai baju, 3 pasang seluar panjang dan 2 pasang kasut untuk dibawa ke perkhemahan.

Khairul has 6 shirts, 8 pairs of trousers and 3 pairs of shoes. Determine the number of ways to choose 3 shirts, 3 pairs of trousers and 2 pairs of shoes for his camping trip.

[2 markah]
[2 *marks*]

5 Rajah 5 menunjukkan graf lengkung $y = |(x - m)^2 + 1 - n|$ dengan titik pusingan (3, 4). Titik-titik P dan Q terletak pada paksi-x.

Diagram 5 shows the graph of the curve $y = |(x - m)^2 + 1 - n|$ *with the turning point* (3, 4). *Points P and Q are on the x-axis.*



Rajah 5
Diagram 5

Nyatakan
State

(*a*) titik pusingan bagi graf lengkung $y = (x - m)^2 + 1 - n$,
the turning point for the graph of the curve $y = (x - m)^2 + 1 - n$,

(*b*) persamaan paksi simetri bagi lengkung itu jika graf bergerak 2 unit ke kanan,
the equation of the axis of symmetry for the curve if the graph moves 2 units *to the right*,

(*c*) nilai m dan nilai n.
the value of m and of n.

[5 markah]
[5 *marks*]

6 Penyelesaian secara lukisan berskala tidak diterima.
Solution by scale drawing is not accepted.

Rajah 6 menunjukkan kedudukan sekolah dan sebuah gerai pada satah Cartes. Rumah David berada di kedudukan $\frac{1}{3}$ sepanjang jalan lurus dari sekolah ke gerai.
Diagram 6 shows the position of a school and a stall on a Cartesian plane. David's house is at the position of $\frac{1}{3}$ *on the straight road from school to the stall.*



Rajah 6
Diagram 6

Tentukan titik bagi kedudukan rumah David. Seterusnya, cari jarak di antara rumah David dengan sekolah.
Determine the point for the position of David's house. Hence, find the distance between David's house and the school.

[4 markah]
[4 *marks*]

7 Jadual 7 menunjukkan pengelasan paras gula dalam darah berdasarkan garis panduan daripada Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO).

Table 7 shows the blood sugar level classifications based on the guideline by the World Health Organisation (WHO).

Paras gula dalam darah *Blood sugar level*	Rendah *Low*	Normal *Normal*	Tinggi *High*
Ukuran, x (Mmol/L) *Measurement*, x (Mmol/L)	$1 < x < 3$	$3 \leq x < 10$	$x \geq 10$

Jadual 7
Table 7

Didapati bahawa paras gula dalam darah bagi sebuah komuniti bertaburan normal dengan nilai min 5.5 Mmol/L dan varians 4 Mmol/L. Individu yang mempunyai paras gula dalam darah yang rendah atau tinggi perlu menjalani rawatan. Jika seorang individu dipilih secara rawak daripada komuniti tersebut, cari kebarangkalian individu tersebut mempunyai paras gula yang rendah dalam darah.

It is found that the blood sugar level of a community has a normal distribution with a mean value of 5.5 Mmol/L *and a variance of* 4 Mmol/L. *Individuals with low or high blood sugar levels should undergo treatment. If an individual is randomly selected from that community, find the probability that the individual has low blood sugar levels.*

[3 markah]
[3 *marks*]

Jawapan / *Answer* :

8 Rajah 8 menunjukkan dua graf garis lurus yang diperoleh apabila $y = \frac{p}{x^2} - 2x$ diungkap dalam bentuk linear $Y = mX + c$.

Diagram 8 shows two straight lines graph obtained when $y = \frac{p}{x^2} - 2x$ *is expressed in the linear form* $Y = mX + c$.



Rajah 8
Diagram 8

Cari nilai-nilai yang mungkin bagi p dan q.

Find the possible values of p and of q.

[4 markah]
[4 *marks*]

Jawapan / *Answer*:

9 (*a*) Diberi bahawa $\frac{d}{dx}\left(\frac{3x+2}{4x-1}\right) = \frac{p}{(4x-1)^2}$, cari nilai bagi p.

It is given that $\frac{d}{dx}\left(\frac{3x+2}{4x-1}\right) = \frac{p}{(4x-1)^2}$, *find the value of* p.

[2 markah]
[2 *marks*]

(*b*) Diberi bahawa $\int_1^3 h(x)dx = k$, dengan keadaan k ialah pemalar.

It is given that $\int_1^3 h(x)dx = k$, *such that* k *is a constant.*

Cari
Find

(i) $\int_3^1 \frac{h(x)}{5}\,dx$, dalam sebutan k,

$\int_3^1 \frac{h(x)}{5}\,dx$, *in terms of* k,

(ii) nilai bagi k sekiranya $\int_1^3 [h(x) - kx]\,dx = 3$.

the value of k *if* $\int_1^3 [h(x) - kx]\,dx = 3$.

[3 markah]
[3 *marks*]

(*c*) Rajah 9 menunjukkan lengkung $y = 6x^2$ dan garis lurus $x = k$.
Diagram 9 shows the curve $y = 6x^2$ *and the straight line* $x = k$.



Rajah 9
Diagram 9

Luas kawasan berlorek ialah 54 unit^2. Cari nilai k.
The area of shaded region is 54 unit^2. *Find the value of* k.

[3 markah]
[3 *marks*]

10 Rajah 10 menunjukkan beberapa bongkah kayu berbentuk bulat yang boleh dibeli secara dalam talian dengan anggaran kos tidak termasuk caj pos iaitu bermula daripada RM4.00 hingga ke RM13.00 mengikut diameter bongkah kayu tersebut. Didapati diameter bongkah kayu tersebut membentuk suatu janjang dengan diameter 6 cm, 12 cm, 18 cm, ...

Diagram 10 *shows some of the round shaped wooden blocks that can be purchased online with an estimated cost excluding postage charges starts from* RM4.00 *to* RM13.00 *according to the diameter of the wooden block. It was found that the diameter of the wooden blocks form a progression with a diameter of* 6 cm, 12 cm, 18 cm, ...

Rajah 10
Diagram 10

(*a*) Tentukan sama ada janjang itu ialah suatu janjang aritmetik atau janjang geometri.

Determine whether the progression is an arithmetic progression or geometric progression.

[1 markah]
[1 *mark*]

(*b*) Terbitkan rumus T_n dengan merujuk janjang yang diberi di **10**(*a*).

Derive the formula T_n *by referring to the progression provided in* **10**(*a*).

[3 markah]
[3 *marks*]

(*c*) Pak Abu ingin membeli tiga saiz bongkah kayu berturutan dan yang jumlah diameternya ialah 108 cm dengan harga bermula RM4.00 bagi saiz diameter 6 cm dan pertambahan RM1.00 untuk saiz berikutnya, nyatakan saiz-saiz bongkah kayu yang dibelinya dan harga yang perlu dibayar termasuk caj pos RM4.90.

Pak Abu wishes to purchase three consecutive sizes of wooden blocks with a total diameter of 108 cm *with starting price of* RM4.00 *for diameter size of* 6 cm *and an increase of* RM1.00 *for each subsequent size, state the sizes of the wooden blocks he purchased and the price to be paid including the postage charge of* RM4.90.

[4 markah]
[4 *marks*]

11 Rajah 11 menunjukkan segi tiga ABC. Titik P terletak pada garis AC dan titik Q terletak pada garis BC.

Diagram 11 *shows a triangle ABC. Point P lies on the line AC and point Q lies on the line BC.*



Rajah 11
Diagram 11

Diberi bahawa $\overrightarrow{AC} = 2\underline{a}$, $\overrightarrow{AB} = 2\underline{b}$, $\overrightarrow{AP} = \frac{2}{3}\overrightarrow{AC}$ dan $\overrightarrow{PQ} = -\frac{8}{15}\underline{a} + \frac{6}{5}\underline{b}$.

It is given that $\overrightarrow{AC} = 2\underline{a}$, $\overrightarrow{AB} = 2\underline{b}$, $\overrightarrow{AP} = \frac{2}{3}\overrightarrow{AC}$ *and* $\overrightarrow{PQ} = -\frac{8}{15}\underline{a} + \frac{6}{5}\underline{b}$.

(*a*) Garis lurus AB dipanjangkan ke titik R dengan keadaan $\overrightarrow{AR} = \lambda\overrightarrow{AB}$, dan λ ialah pemalar. Ungkapkan $\overrightarrow{PR}$ dalam sebutan λ, $\underline{a}$ dan $\underline{b}$.

Straight line AB is being extended to the point R such that $\overrightarrow{AR} = \lambda\overrightarrow{AB}$, *and* λ *is a constant. Express* $\overrightarrow{PR}$ *in terms of* λ, $\underline{a}$ *and* $\underline{b}$.

[2 markah]
[2 *marks*]

(*b*) Diberi bahawa P, Q dan R adalah segaris, cari
It is given that P, Q and R are collinear, find

(i) nilai λ,
the value of λ,

(ii) nisbah $PQ : QR$.
the ratio of $PQ : QR$.

[3 markah]
[3 *marks*]

12 Rajah 12 menunjukkan gelanggang lontar peluru yang terdiri daripada bulatan *WYVX* dan sektor *UWTVS*, kedua-duanya berpusat di *T*. Semasa kejohanan olahraga, atlet perlu melontar peluru ke kawasan berlorek *UWXVS* untuk mendapat mata.

Diagram 12 *shows the short put ring that consists of the circle WYVX and sector UWTVS, both with the centre T. During an athletic championship, athletes need to throw their put into the shaded region UWXVS to get points.*



Rajah 12
Diagram 12

Diberi bahawa $WT = 1.1$ m dan panjang lengkok *US* ialah 21 m. Panjang lengkok *VXW* adalah 27 kali ganda lebih pendek daripada panjang lengkok *US*.

It is given that $WT = 1.1$ m *and the length of arc US is* 21 m. *The length of arc VXW is* 27 *times shorter than the length of arc US.*

Hitung
Calculate

(*a*) nilai θ, dalam radian,
the value of θ, *in radian*,

[2 markah]
[2 *marks*]

(*b*) perimeter, dalam m, bagi rantau berlorek,
the perimeter, in m, *of the shaded region*,

[3 markah]
[3 *marks*]

(*c*) luas, dalam m^2, bagi rantau berlorek.
the area, in m^2, *of the shaded region.*

[3 markah]
[3 *marks*]

Bahagian B

[16 *markah*]

Bahagian ini mengandungi **tiga** *soalan. Jawab* **dua** *soalan.*

13 Diberi bahawa $L = 4t - t^2$ dan $x = 3 + 6t$.

It is given that $L = 4t - t^2$ *and* $x = 3 + 6t$.

(*a*) (i) Ungkapkan $\frac{dL}{dx}$ dalam sebutan t.

Express $\frac{dL}{dx}$ *in terms of* t.

[3 markah]
[3 *marks*]

(ii) Cari nilai $\frac{dL}{dx}$ apabila $t = 4$.

Find value of $\frac{dL}{dx}$ *when* $t = 4$.

[1 markah]
[1 *mark*]

(*b*) Hitungkan peratusan kadar perubahan dalam L yang sepadan apabila $x = 9$, jika perubahan kecil dalam x ialah 10%.

Calculate the corresponding percentage rate of change of L *when* $x = 9$, *if the small change in* x *is* 10%.

[4 markah]
[4 *marks*]

14 (*a*) Buktikan identiti trigonometri $\tan y = \dfrac{\text{kos}\,(x-y) - \text{kos}\,(x+y)}{\sin(x-y) + \sin(x+y)}$

Prove the trigonometric identity $\tan y = \dfrac{\cos(x-y) - \cos(x+y)}{\sin(x-y) + \sin(x+y)}$

[4 markah]
[4 *marks*]

(*b*) Rajah 14 menunjukkan sebahagian daripada graf $y = a \tan bx + c$ yang melalui titik (0, 3) dan $\left(\frac{\pi}{2}, 3\right)$.

Diagram 14 *shows part of the graph of* $y = a \tan bx + c$ *passing through points* (0, 3) *and* $\left(\frac{\pi}{2}, 3\right)$.



Rajah 14
Diagram 14

Cari
Find

(i) nilai-nilai bagi *b* dan *c*,
the values of b and of c,

(ii) nilai *a*, diberi bahawa titik $(\frac{\pi}{8}, 7)$ juga terletak pada graf itu.
the value of a, given that the point $(\frac{\pi}{8}, 7)$ *also lies on the graph.*

[4 markah]
[4 *marks*]

15 (*a*) Permudahkan ungkapan berikut.

Simplify the following expression.

$$(1+\sqrt{3})(4-2\sqrt{3})$$

[2 markah]
[2 *marks*]

(*b*) Suhu suatu larutan, selepas *t* minit disejukkan dalam °C, ialah $30\left(\frac{4}{5}\right)^t$.

The temperature of a solution, in °C, *after t minutes being cooled is* $30\left(\frac{4}{5}\right)^t$.

(i) Cari suhu awal larutan itu.

Find the initial temperature of the solution.

(ii) Cari nilai *t* apabila suhu larutan ialah 15.36 °C .

Find the value of t when the temperature of the solution is 15.36 °C .

(iii) Hitung selepas berapa minit suhu larutan itu kurang daripada 5 °C buat pertama kali.

Calculate after how many minutes the temperature of the solution be less than 5 °C *for the first time.*

[6 markah]
[6 *marks*]

MODUL PINTAS TINGKATAN LIMA

2 JAM 30 MINIT

3472/2

MATEMATIK TAMBAHAN

Kertas 2

NO. KAD PENGENALAN | | | | | | | - | | | - | | | | |

ANGKA GILIRAN | | | | | | | | | |

NAMA : .....

TINGKATAN : .....

ARAHAN :

1. **Jangan Buka Kertas Peperiksaan Ini Sehingga Diberitahu.**
2. *Tulis* **nombor kad pengenalan, angka giliran, nama, tingkatan** *anda pada petak yang disediakan.*
3. *Kertas peperiksaan ini mengandungi* **tiga** *bahagian*: **Bahagian A, Bahagian B** *dan* **Bahagian C.**
4. *Jawapan hendaklah ditulis pada ruang jawapan yang disediakan di dalam kertas peperiksaan ini.*
5. *Kertas peperiksaan ini adalah dalam dwibahasa.*
6. *Jawapan boleh ditulis dalam bahasa Melayu atau bahasa Inggeris.*
7. *Rajah yang mengiringi soalan tidak dilukis mengikut skala kecuali dinyatakan.*
8. *Kerja mengira* **mesti** *ditunjukkan.*
9. *Jadual Kebarangkalian Hujung Atas $Q(z)$ Bagi Taburan Normal $N(0,1)$ disediakan di halaman* **4**.
10. **Kertas peperiksaan** *ini hendaklah diserahkan kepada pengawas peperiksaan pada akhir peperiksaan.*

BAHAGIAN	SOALAN	MARKAH PENUH	MARKAH DIPEROLEH
A	1	7	
	2	8	
	3	5	
	4	7	
	5	9	
	6	7	
	7	7	
	JUMLAH	**50**	
B	8	10	
	9	10	
	10	10	
	11	10	
	JUMLAH	**30**	
C	12	10	
	13	10	
	14	10	
	15	10	
	JUMLAH	**20**	
JUMLAH KESELURUHAN MARKAH			

Kertas peperiksaan ini mengandungi 36 halaman bercetak.

Bahagian A

[50 *markah*]

Jawab **semua** *soalan.*

1 Rajah 1 menunjukkan tiga lukisan yang berlainan saiz, *X*, *Y* dan *Z* untuk dijual. Jumlah jualan yang diperoleh ialah RM1 240.00. Latif perlu menyimpan 10% daripada harga jualan lukisan *X*, 20% daripada harga jualan lukisan *Y* dan 30% harga jualan lukisan *Z* masing-masing untuk kos tempahan bingkai. Jumlah simpanan hasil jualan ialah RM276.00. Harga jualan lukisan *Z* adalah dua kali harga jualan lukisan *X*. Berapakah harga jualan lukisan bagi setiap lukisan Latif?

Diagram 1 *shows three paintings of different sizes, X, Y and Z for sale. Total sales earned was* RM1 240.00. *Latif needs to keep* 10% *of the selling price of painting X,* 20% *of the selling price of painting Y and* 30% *of the selling price of painting Z respectively for the cost of booking the painting frame. Total savings from the sale is* RM276.00. *The selling price of the painting Z is twice the selling price of the painting X. What is the selling price of each Latif's painting*?



Rajah 1
Diagram 1

[7 markah]
[7 *marks*]

Jawapan / *Answer* :

2 (*a*) Terbitkan rumus sudut berganda bagi kos $2A = \text{kos}^2A - \sin^2A$.
Derive the double angle formula of $\cos 2A = \cos^2A - \sin^2A$.

[2 markah]
[2 *marks*]

(*b*) Lakar graf bagi $y = \frac{1}{2}\text{kos } 2A + \frac{1}{2}$ untuk $0 \le A \le 270°$.

Sketch the graph of $y = \frac{1}{2}\cos 2A + \frac{1}{2}$ *for* $0 \le A \le 270°$.

Seterusnya, dengan menggunakan paksi yang sama, lakar satu garis lurus yang sesuai untuk mencari bilangan penyelesaian bagi persamaan $\frac{1}{2}\text{ kos}^2A - \frac{1}{2}\sin^2A = \frac{2A}{540°} - \frac{1}{2}$ untuk $0 \le A \le 270°$. Nyatakan bilangan penyelesaian itu.

Hence, using the same axes, sketch a suitable straight line to find the number of solutions to the equation $\frac{1}{2}\cos^2A - \frac{1}{2}\sin^2A = \frac{2A}{540°} - \frac{1}{2}$ *for* $0 \le A \le 270°$. *State the number of solutions.*

[6 markah]
[6 *marks*]

Jawapan / *Answer* :

3 (*a*) Ringkaskan:
Simplify:

$$\frac{(-8x^4y^3)^2}{16x^5y}$$

[2 markah]
[2 *marks*]

(*b*) Selesaikan persamaan:
Solve the equation:

$$2^{4x} = 16 + 2^{4x-1}$$

[3 markah]
[3 *marks*]

Jawapan / *Answer* :

4 Penyelesaian secara lukisan berskala tidak diterima.
Solutions by scale drawing is not accepted.

Rajah 4 menunjukkan sebuah taman permainan *OPQR*. Titik-titik *A*, *B* dan *C* adalah kedudukan bangku yang disediakan dan *A*, *B* dan *C* adalah segaris.
Diagram 4 *shows a playground OPQR. Points A, B and C are the position of the bench provided and A, B and C are collinear.*



Rajah 4
Diagram 4

Diberi bahawa nisbah jarak bangku, $AB : BC = 1 : 3$.
It is given the ratio of the distance of bench, $AB : BC = 1 : 3$.

(*a*) Cari
Find

(i) koordinat *A*,
the coordinates of A,

(ii) luas, dalam m^2, taman permainan *OPQR*.
the area, in m^2, *of the playground OPQR.*

[5 markah]
[5 *marks*]

(*b*) Laluan refleksologi dibina dengan keadaan jarak laluan dari bangku *C* ialah sentiasa 3 m. Cari persamaan kedudukan laluan itu.
Reflexology path were built such that the distance of the path from the bench C is always 3 m. *Find the equation of position of the path.*

[2 markah]
[2 *marks*]

5 Penyelesaian secara lukisan berskala tidak diterima.
Solutions by scale drawing is not accepted.

Rajah 5 menunjukkan kedudukan Michelle sewaktu berlari dalam tempoh masa 5 jam diberikan oleh persamaan lengkung $s = \frac{t}{3}(t^2 - 9t + 24)$ km dengan keadaan t ialah masa, dalam jam.

Diagram 5 shows the position of Michelle when running in the period of 5 hours is given by the equation of a curve $s = \frac{t}{3}(t^2 - 9t + 24)$ km *where t is the time, in hour.*



Rajah 5
Diagram 5

(*a*) Cari cerun bagi lengkung itu pada $t = 2.4$.
Find the slope of the curve at $t = 2.4$.

[2 markah]
[2 *marks*]

(*b*) Cari kedudukan tepat Michelle pada titik pusingan.
Find the exact position of Michelle at the turning points.

[3 markah]
[3 *marks*]

(*c*) Seterusnya, menggunakan kalkulus, tunjukkan setiap kedudukan di **5**(*b*) adalah maksimum atau minimum.

Hence, by using calculus, show that each of the positions in **5**(*b*) *is a maximum or a minimum.*

[4 markah]
[4 *marks*]

Jawapan / *Answer* :

6 Lee telah menyimpan sejumlah wang dalam masa n bulan. Wang simpanannya bertambah dan membentuk suatu janjang geometri. Diberi bahawa simpanan pada bulan kelima adalah 4 kali simpanan pada bulan ketiga.

Lee has saved some money in n months. His savings increased and formed a geometric progression. It is given that the savings in the fifth month are 4 *times the savings in the third month.*

(*a*) Hitung nisbah sepunya.
Calculate the common ratio.

[2 markah]
[2 *marks*]

(*b*) Jika jumlah wang yang disimpan ialah RM1 533 dan permulaan simpanan ialah RM3, hitung
If the total of his savings is RM1 533 *and the beginning of his savings is* RM3, *calculate*

(i) nilai n,
the value of n,

(ii) simpanan kali terakhirnya.
his last savings.

[5 markah]
[5 *marks*]

Jawapan / *Answer* :

7 (*a*) Rajah 7 menunjukkan sebuah segi empat tepat berukuran $3y$ m panjang dan $2y$ m lebar. Sebahagian daripada segi empat tepat itu dipotong kepada bentuk segi empat sama yang bersisi y meter. Cari julat nilai y jika luas yang berlorek adalah sekurang-kurangnya $(y^2 + 4)$ m^2.

Diagram 7 shows a rectangle measuring $3y$ m *in length and* $2y$ m *in width. Part of the rectangle is cut into a square shape with sides y metres. Find the range of values of y if the shaded area is at least* $(y^2 + 4)$ m^2.



Rajah 7
Diagram 7

[4 markah]
[4 *marks*]

(*b*) Diberi bahawa α dan β adalah punca-punca persamaan kuadratik $2x^2 + 6x - 3 = 0$.
It is given α *and* β *are the roots of quadratic equation* $2x^2 + 6x - 3 = 0$.

Cari nilai bagi $\alpha^2 + \beta^2$.
Find the value of $\alpha^2 + \beta^2$.

[3 markah]
[3 *marks*]

Jawapan / *Answer* :

Bahagian B

[30 *markah*]

Bahagian ini mengandungi **empat** *soalan. Jawab* **tiga** *soalan.*

8 Penyelesaian secara lukisan berskala tidak diterima.
Solutions by scale drawing is not accepted.

Rajah 8 menunjukkan kedudukan bagi tiga titik dalam satah Cartes.
Diagram 8 *shows positions for three points in a Cartesian plane.*



Rajah 8
Diagram 8

(*a*) Cari
Find

(i) $\overrightarrow{AB}$ dan $\overrightarrow{AC}$,
$\overrightarrow{AB}$ *and* $\overrightarrow{AC}$,

(ii) vektor unit dalam arah $\overrightarrow{BC}$.
the unit vector in the direction $\overrightarrow{BC}$.

[7 markah]
[7 *marks*]

(*b*) Diberi $\overrightarrow{AD} = k\underline{i} - 15\underline{j}$, dengan keadaan k ialah pemalar dan $\overrightarrow{AD}$ adalah selari dengan $\overrightarrow{BC}$, cari nilai k.
Given $\overrightarrow{AD} = k\underline{i} - 15\underline{j}$, *where* k *is a constant and* $\overrightarrow{AD}$ *is parallel to* $\overrightarrow{BC}$, *find the value of* k.

[3 markah]
[3 *marks*]

9 Sebuah kotak mengandungi 4 bungkusan berlabel P dan 3 bungkusan berlabel Q. Semasa proses pemeriksaan kualiti, satu bungkusan diambil secara rawak dan labelnya dicatatkan. Pemeriksaan ini dijalankan sebanyak tiga kali. Diberi bahawa X mewakili bilangan kali bungkusan Q diperiksa.

A box contains 4 packages labeled P and 3 packages labeled Q. During the quality inspection process, one package is taken at random and its label is recorded. This inspection were carried out three times. Given that X represents the number of times a package Q is checked.

(*a*) Senaraikan X dalam bentuk tatatanda set.
List X in set notation form.

[1 markah]
[1 *mark*]

(*b*) Lukis gambar rajah pokok untuk mewakilkan semua kesudahan yang mungkin bagi X.
Draw a tree diagram to represent all the possible outcomes for X.

[4 markah]
[4 *marks*]

(*c*) Senaraikan taburan nilai X serta kebarangkalian masing-masing dan lukis satu graf untuk mewakili taburan kebarangkalian tersebut.
List the distribution of the value of X together with their respective probabilities and draw a graph to represent the probability distribution.

[5 markah]
[5 *marks*]

Jawapan / *Answer* :

Kertas graf untuk Soalan 9(*c*)
Graph paper for Question 9(*c*)



10 Guna kertas graf untuk menyelesaikan soalan ini.
Use the graph paper to solve this question.

Jadual 10 menunjukkan nilai-nilai bagi dua pemboleh ubah, x dan $\log_{10} y$, yang diperoleh daripada satu uji kaji. Pemboleh ubah x dan y, dihubungkan oleh persamaan $y = \frac{p}{q^x}$, dengan keadaan p dan q ialah pemalar.

Table 10 *shows the values of two variables,* x *and* $\log_{10} y$, *obtained from an experiment. The variables,* x *and* y, *are related by the equation* $y = \frac{p}{q^x}$, *where* p *and* q *are constants.*

x	4	6	8	10	12	14
$\log_{10} y$	0.45	0.31	0.20	0.09	−0.05	−0.18

Jadual 10
Table 10

(*a*) Berdasarkan Jadual 10, bina satu jadual bagi nilai-nilai y.
Based on Table 10, *construct a table for the values of* y.

[1 markah]
[1 *mark*]

(*b*) Plot $\log_{10} y$ melawan x dengan menggunakan skala 2 cm kepada 2 unit pada paksi–x dan 2 cm kepada 0.1 unit pada paksi–$\log_{10} y$. Seterusnya, lukiskan garis lurus penyuaian terbaik.
Plot $\log_{10} y$ *against* x, *by using a scale of* 2 cm *to* 2 units *on the* x*–axis and* 2 cm *to* 0.1 unit *on the* $\log_{10} y$*–axis. Hence, draw the line of best fit.*

[3 markah]
[3 *marks*]

(*c*) Seterusnya, gunakan graf di **10**(*b*) untuk mencari nilai
Hence, using the graph in **10**(*b*) *to find the value of*

(i) p,

(ii) q.

[4 markah]
[4 *marks*]

(*d*) Cari nilai $\log_{10} y$ apabila $x = 20$.
Find the value of $\log_{10} y$ *when* $x = 20$.

[2 markah]
[2 *marks*]

11 Rajah 11 menunjukkan lengkung $y = x^2 + 2$ bersilang dengan garis lurus $y = 4 - x$ pada titik $A(1, 3)$ dan paksi–y pada titik B.

Diagram 11 *shows the curve* $y = x^2 + 2$ *intersects the straight line* $y = 4 - x$ *at point* $A(1, 3)$ *and the y–axis at point B.*



Rajah 11
Diagram 11

Cari
Find

(*a*) luas rantau berlorek R,
the area of the shaded region R,

[6 markah]
[6 *marks*]

(*b*) isi padu yang dijanakan, dalam sebutan π, apabila rantau yang dibatasi oleh lengkung $y = x^2 + 2$, garis lurus $y = 3$ dan paksi–y dikisarkan melalui 360° pada paksi–y.
the volume generated, in terms of π, *when the region bounded by the curve* $y = x^2 + 2$, *the straight line* $y = 3$ *and the y–axis is revolved through* 360° *about the y–axis.*

[4 markah]
[4 *marks*]

Bahagian C

[20 *markah*]

Bahagian ini mengandungi **empat** *soalan. Jawab* **dua** *soalan.*

12 Satu zarah bergerak di sepanjang suatu garis lurus dan melalui satu titik tetap O dengan halaju 15 m s^{-1}. Pecutannya, a m s^{-2}, diberi oleh $a = 2t - 8$, dengan keadaan t ialah masa, dalam saat, selepas melalui titik tetap O.

[Anggapkan gerakan ke arah kanan sebagai positif]

A particle moves along a straight line and passes through a fixed point O with a velocity of 15 m s^{-1}. *The acceleration,* a m s^{-2}, *is given by* $a = 2t - 8$, *where t is the time, in seconds, after passing through the fixed point O.*

[*Assume motion to the right is positive*]

Cari

Find

(a) pecutan awal, dalam m s^{-2}, bagi zarah itu,
the initial acceleration, in m s^{-2}, *of the particle,*

[1 markah]
[1 *mark*]

(b) halaju minimum, dalam m s^{-1}, bagi zarah itu,
the minimum velocity, in m s^{-1}, *of the particle,*

[3 markah]
[3 *marks*]

(c) masa, dalam saat, apabila zarah itu berhenti seketika,
the time, in seconds, when the particle is stop instantaneously,

[2 markah]
[2 *marks*]

(d) jumlah jarak, dalam m, yang dilalui oleh zarah itu dalam 5 saat pertama.
the total distance, in m, *travelled by the particle in the first 5 seconds.*

[4 markah]
[4 *marks*]

13 Penyelesaian secara lukisan berskala tidak diterima.
Solutions by scale drawing is not accepted.

Rajah 13 menunjukkan sebuah trapezium *ABCD*.
Diagram 13 *shows trapezium ABCD.*



Rajah 13
Diagram 13

(*a*) Hitung
Calculate

(i) $\angle ABD$,

(ii) panjang, dalam cm, bagi *BC*.
the length, in cm, *of BC*.

[4 markah]
[4 *marks*]

(*b*) Garis lurus *BA* dipanjangkan ke *A'* dengan keadaan $AD = A'D$.
The straight line BA is extended to A' such that AD = A'D.

(i) Lakar trapezium *A'BCD*.
Sketch the trapezium A'BCD.

(ii) Hitung luas, dalam cm^2, bagi $\Delta AA'D$.
Calculate the area, in cm^2, *of* $\Delta AA'D$.

[6 markah]
[6 *marks*]

14 Jadual 14 menunjukkan indeks harga, perubahan indeks harga dan pemberat bagi empat bahan *P*, *Q*, *R* dan *S*, yang digunakan untuk membuat sejenis makanan.

Table 14 *shows the price indices, changes in price indices and weightages of four items P, Q, R and S, used in the making of a type of food.*

Bahan *Item*	**Indeks harga pada tahun 2022 berasaskan tahun 2020** *Price index in the year* **2022** *based on the year* **2020**	**Perubahan indeks harga dari tahun 2022 ke tahun 2023** *Change in price index from the year* **2022** *to the year* **2023**	**Pemberat** *Weightage*
P	112	Tidak berubah *No change*	1
Q	140	10% menyusut 10% *decrease*	4
R	*k*	Tidak berubah *No change*	2
S	130	5% menokok 5% *increase*	3

Jadual 14
Table 14

(*a*) Hitung
Calculate

(i) harga bahan *Q* pada tahun 2020 jika harganya pada tahun 2022 ialah RM8.40.
the price of item Q in the year 2020 *if its price in the year* 2022 *is* RM8.40.

(ii) harga bahan *S* pada tahun 2022 jika harganya pada tahun 2020 ialah RM4.50.
the price of item S in the year 2022 *if its price in the year* 2020 *is* RM4.50.

[3 markah]
[3 *marks*]

(*b*) Indeks gubahan bagi kos membuat makanan itu pada tahun 2022 berasaskan tahun 2020 ialah 132. Hitung nilai *k*.
The composite index for the cost of making the food in the year 2022 *based on the year* 2020 *is* 132. *Calculate the value of k.*

[2 markah]
[2 *marks*]

(*c*) Seterusnya, hitung indeks gubahan bagi kos membuat makanan itu pada tahun 2023 berasaskan tahun 2020.
Hence, calculate the composite index for the cost of making the food in the year 2023 *based on the year* 2020.

[3 markah]
[3 *marks*]

(*d*) Hitung kos membuat makanan itu pada tahun 2023 jika kos yang sepadan pada tahun 2020 ialah RM20.

Calculate the cost of making the food in the year 2023 *if the corresponding cost in the year* 2020 *is* RM20.

[2 markah]
[2 *marks*]

Jawapan / *Answer* :

15 Gunakan kertas graf untuk menjawab soalan ini.

Use graph paper to answer this question.

Seorang pengusaha makanan menyediakan x perkhidmatan penghantaran ke Kedai A dan y ke Kedai B setiap hari. Perkhidmatan penghantaran makanan yang disediakan adalah berdasarkan kepada kekangan berikut;

A food entrepreneur provides x delivery services to Shop A and y to Shop B daily. The food delivery services provided are based on the following constraints;

I Jumlah bilangan penghantaran makanan yang disediakan tidak lebih daripada 16.

The total number of food deliveries provided is not more than 16.

II Bilangan penghantaran makanan ke Kedai A adalah tidak lebih 3 kali bilangan penghantaran makanan ke Kedai B.

The number of food deliveries to Shop A is not more than 3 *times the number of food deliveries to Shop B.*

III Caj satu penghantaran makanan ke Kedai A ialah RM6 dan ke Kedai B ialah RM3. Jumlah pungutan caj setiap hari adalah tidak kurang daripada RM48.

The charge of one food delivery to Shop A is RM6 *and to Shop B is* RM3. *The total collection of charges per day is not less than* RM48.

(a) Tulis tiga ketaksamaan, selain daripada $x \geq 0$ dan $y \geq 0$, yang memenuhi semua kekangan di atas.

Write three inequalities, other than $x \geq 0$ and $y \geq 0$, which satisfy all of the above constraints.

[3 markah]
[3 *marks*]

(b) Menggunakan skala 2 cm kepada 2 penghantaran makanan pada kedua-dua paksi, bina dan lorek rantau R yang memenuhi semua kekangan di atas.

Using a scale of 2 cm *to* 2 *food deliveries on both axes, construct and shade the region R which satisfies all of the above constraints.*

[3 markah]
[3 *marks*]

(c) Dengan menggunakan graf yang dibina di **15**(b), cari

Using the graph constructed in **15**(b), *find*

(i) bilangan minimum pesanan penghantaran makanan ke Kedai B jika 7 pesanan penghantaran makanan ke Kedai A disediakan setiap hari,

the minimum number of food delivery orders to Shop B if 7 *food delivery orders to Shop A are delivered daily,*

(ii) jumlah keuntungan maksimum sehari jika keuntungan satu penghantaran ke Kedai A ialah RM4 dan keuntungan satu penghantaran makanan ke Kedai B ialah RM2.

the maximum profit per day if the profit per delivery to Shop A is RM4 *and the profit per food delivery to Shop B is* RM2.

[4 markah]
[4 *marks*]

JOHOR
2023

JOHOR BAHRU K1

SET A

3472/1
MATEMATIK TAMBAHAN
KERTAS 1
OKTOBER 2023
2 JAM

NAMA: _____

TINGKATAN: _____

ANGKA GILIRAN: _____

LOGO SEKOLAH

SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN XXX
JOHOR BAHRU, JOHOR

PEPERIKSAAN PERCUBAAN SPM TAHUN 2023

MATEMATIK TAMBAHAN

KERTAS 1

2 JAM

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Tulis nama, tingkatan dan angka giliran pada ruang yang disediakan.*
2. *Kertas soalan ini adalah dalam dwibahasa.*
3. *Setiap soalan adalah dalam Bahasa Melayu dan diikuti dalam Bahasa Inggeris.*
4. *Calon dibenarkan menjawab keseluruhan atau sebahagian soalan sama ada dalam Bahasa Melayu atau Bahasa Inggeris.*
5. *Calon dikehendaki membaca arahan di halaman* 2.

Kod Pemeriksa		
Soalan	**Markah Penuh**	**Markah Diperoleh**
BAHAGIAN A		
1	5	
2	6	
3	5	
4	4	
5	5	
6	5	
7	8	
8	5	
9	4	
10	7	
11	4	
12	6	
BAHAGIAN B		
13	8	
14	8	
15	8	
JUMLAH	**80**	

Kertas soalan ini mengandungi **28** halaman bercetak

Bahagian A

[64 *markah*]

Jawab **semua** *soalan*

1 Rajah 1 menunjukkan graf bagi $f(x) = -x^2 + x + 6$, dengan keadaan $a = -1$, $b = 1$ dan $c = 6$.
Diagram 1 *shows the graph for* $f(x) = -x^2 + x + 6$, *such that* $a = -1$, $b = 1$ *and* $c = 6$.



Rajah 1
Diagram 1

(a) Nyatakan
State
(i) persamaan paksi simetri bagi lengkung itu,
the equation of the axis of symmetry,
(ii) koordinat verteks bagi fungsi itu.
the coordinates of vertex of the function.

[3 markah]
[3 *marks*]

(b) Seterusnya, lakarkan graf $f(x)$ yang terbentuk apabila nilai b berubah kepada -1.
Hence, sketch the graph of $f(x)$ *formed when the value of* b *changes to* -1.

[2 markah]
[2 *marks*]

Jawapan / *Answer*:

2 (a) Diberi $15^{2y} = 3^{y+1}(5^{y+2})$, tunjukkan bahawa $15^{y} = 75$.
Given $15^{2y} = 3^{y+1}(5^{y+2})$, *show that* $15^{y} = 75$.

[2 markah]
[2 *marks*]

(b) (i) Selesaikan persamaan logaritma $\log_3 x = 3$.
Solve the logarithmic equation $\log_3 x = 3$.

(ii) Diberi bahawa $r = \ln y$ dan $s = \ln x$. Ungkapkan $\log_x y$ dalam sebutan r dan s.
Given that $r = \ln y$ *and* $s = \ln x$. *Express the* $\log_x y$ *in terms of r and s.*

[4 markah]
[4 *marks*]

Jawapan / *Answer*:

3 Diberi sebutan ke-2 dan sebutan ke-5 suatu janjang geometri masing-masing ialah $81k^2$ dan $3k^5$. Nisbah sepunyanya, r ialah dengan keadaan $0 < r < 1$.
The 2^{nd} *and the* 5^{th} *terms of a geometric progression are* $81k^2$ *and* $3k^5$ *respectively. Its ratio*, r *is such that* $0 < r < 1$.

(a) Ungkapkan nisbah sepunya, r dalam sebutan k.
Express the c*ommon ratio,* r *in terms of* k.

[2 markah]
[2 *marks*]

(b) Diberi bahawa hasil tambah ketakterhinggaan janjang itu ialah 243. Cari nilai k.
Given that the sum to infinity of the progression is 243. *Find the value of* k.

[3 markah]
[3 *marks*]

Jawapan / *Answer*:

4 Rajah 2 menunjukkan garis lurus yang diperoleh dengan memplot $\log_{10} y$ melawan $\log_{10} x$.
Pemboleh ubah x dan y dihubungkan oleh persamaan $y = ax^b$, dengan keadaan a dan b adalah pemalar.
Diagram 2 *shows the straight line obtained by plotting* $\log_{10} y$ *against* $\log_{10} x$.
(a) Nyatakan/*State*

(i) persamaan bagi paksi simetri,
the equation of the axis of symmetry,

(ii) nilai *r* dan nilai *k*,
the value of r and of k,

(iii) koordinat verteks bagi fungsi itu.
the coordinates of vertex of the function.

[4 markah/*marks*]

(b) Apakah yang berlaku jika fungsi itu berubah kepada $f(x) = x^2 + 4x - k$? Lakarkan graf yang baru.
What happens if the function changes to $f(x) = x^2 + 4x - k$? *Sketch the new graph.*

[3 markah/*marks*]

2 (a) Selesaikan persamaan yang berikut:
Solve the following equation:

$$25^{x+1} + 1 = 26(5^x)$$

[3 markah/*marks*]

(b) (i) Selesaikan persamaan $3^x = 21$. Berikan jawapan anda betul kepada tiga tempat perpuluhan.
Solve the equation $3^x = 21$. *Give your answers correct to three decimal places.*

[2 markah/*marks*]

(ii) Diberi bahawa $\ln 3 = p$ dan $\ln 5 = q$, ungkapkan $\ln \sqrt{15e}$ dalam sebutan p dan q.
Given that $ln\, 3 = p$ *and* $ln\, 5 = q$, *express* $ln \sqrt[3]{15e}$ *in terms of p and q.*

[3 markah/*marks*]

3	Sebutan ke-3 dan sebutan ke-6 suatu janjang geometri masing-masing ialah $27m^2$ dan m^5. Nisbah sepunyanya, r ialah dengan keadaan $0 < r < 1$. *The* 3^{rd} *and the* 6^{th} *terms of a geometric progression are* $27m^2$ *and* m^5 *respectively. Its ratio,* r *is such that* $0 < r < 1$			
	(a)	Ungkapkan r dalam sebutan m. *Express* r *in terms of* k.		
				[2 markah/*marks*]
	(b)	Diberi bahawa hasil tambah ketakterhinggaan janjang itu ialah 250. Cari nilai m. Given that the sum to infinity of the progression is 250. Find the value of m.		
				[3 markah/*marks*]
4	Pemboleh ubah x dan y dihubungkan oleh persamaan $py^2 + \text{qy} = x$. Rajah 2 menunjukkan graf garis lurus yang diperoleh dengan memplot y melawan $\frac{x}{y}$. The variable x and y are obtained by the equation $py^2 + \text{qy} = x$. Diagram 2 shows the straight line graph obtained by plotting y against $\frac{x}{y}$.  Rajah 2 *Diagram 2*		
	(a)	Tukarkan persamaan $py^2 + qy = x$ kepada bentuk limear $Y = mX + c$ *Convert the equation* $py^2 + qy = x$ *to linear form* $Y = mX + c$		
				[1 markah/*mark*]
	(b)	Cari nilai p dan nilai q *Find the value of* p *and of* q		
				[3 markah/*marks*]
5	Rajah 3 menunjukkan dua buah segi tiga PQR_1 dan PQR_2 masing-masing dengan luas yang sama $11\ unit^2$.			

Diagram below shows two triangles PQR_1 andPQR_2 with the same are $11\ unit^2$ respectively



Rajah 3
Diagram 3

Bucu P dan Q masing-masing ialah $(6,6)$ dan $(1,-2)$ manakala bucu R_1 dan R_2 terletak pada paksi- x. Cari koordinat R_1 dan R_2.
The vertices P and Q are $(6,6)$ *and* $(1,-2)$ *respectively whereas vertices* R_1 *and* R_2 *lie on the* x*-axis. Find the coordinates of* R_1 *and* R_2.

[3 markah/*marks*]

6 Sebiji guli bermula di titik $(6,12)$ pada satu satah Cartes dan bergerak dengan halaju malar $(3i-2j)$ ms^{-1}. Cari
A marble starts at point $(6,12)$ *on a Cartesian plane and moves with a constant velocity* $(2i-j)$ *ms^{-1}. Find*

(a) laju, dalam ms^{-1}, objek itu,
the speed, in ms^{-1}, of the object,

[2 markah/*marks*]

(b) kedudukan objek apabila $t = 4$,
the position *of the object when* $t = 4$,

[2 markah/*marks*]

(c) masa, dalam saat, apabila objek berada ke timur dari asalan.
the time, in seconds, when the object is due east from the origin.

[2 markah/*marks*]

7 Rajah 4 menunjukkan sektor POQ bagi sebuah bulatan dengan sudut θ radian dan jejari r cm.
Diagram 4 below shows a sector of a circle POQ whose angle is θ *radian and radius r cm.*



Rajah 4
Diagram 4

Diberi luas sektor ialah $6.25\ cm^2$ dan perimeternya ialah $12.5\ cm$. Cari jejari dan sudut sepadan tercangkum.

	Given the area of the sector is $6.25\ cm^2$ *and the perimeter is* $12.5\ cm$. *Find the radius and the corresponding subtended angle*			
				[4 markah/*marks*]
8	(a)	Rajah 5 menunjukkan sebahagian graf $y = f(x)$. Berdasarkan graf, cari *The diagram 5 shows a part of the graph* $y = f(x)$. *Based on the graph, find*		
		 Rajah 5 *Diagram 5*		
		(i) $f(0)$		
		(ii) $\lim_{x\to 0^-} f(x)$		
		(iii) $\lim_{x\to 0^+} f(x)$		
				[3 markah/*marks*]
	(b)	Seterusnya, jelaskan sama ada had $f(x)$ wujud atau tidak. *Hence, explain whether* $\lim_{x\to 0} f(x)$ *exist or not*		
				[1 markah/*mark*]
9	(a)	Cari nilai bagi $\int_k^k 3h(x)\,dx$, di mana k ialah integer. *Find the value of* $\int_k^k 3h(x)\,dx$, *where* k *is an integer.*		
				[1 markah/*mark*]
	(b)	Diberi bahawa $\int_{-u}^{u} 2m(x)\,dx = 4u$, where $m(x) = 4x^2 + 8x - 2$. Jika u ialah integer positif, cari nilai yang mungkin bagi u. *Given that* $\int_{-u}^{u} 2m(x)\,dx = 4u$, *di mana* $m(x) = 4x^2 + 8x - 2$. *If* u *is a positive integer, find the possible value of* u.		
				[3 markah/*marks*]
10	(a)	(i)	Tentukan bilangan susunan yang mungkin untuk 5 pasangan suami isteri duduk mengelilingi meja bulat jika lelaki dan Perempuan duduk berselang seli. *Find the number of possible arrangements for 5 couples to sit around a round table if men and women sit alternately*.	
				[2 markah/*marks*]
		(ii)	Tentukan bilangan susunan huruf dalam perkataan MATHEMATICS dengan syarat bermula dengan huruf vocal dan berakhir dengan huruf konsonan. *Find the number of letter arrangements in the word MATHEMATICS with the condition starts with vowel and ends with consonant.* [2 markah/*marks*]	

	(b)	Rajah 6 menunjukkan kedudukan 14 titik yang terletak pada suatu satah dengan 4 daripadanya berada diatas suatu garis lurus *The diagram 6 shows the position of 14 points located on a plane in which 4 of them lie on the straight line.*		
		 Rajah 6 *Diagram 6*		
		Cari *Find*		
		(i)	bilangan garis lurus, *the number of straight lines,*	
		(ii)	bilangan segi tiga yang boleh dibentuk. *the number of triangles that can be formed.*	
				[4 markah/*marks*]
11	Rajah 7 menunjukkan graf taburan normal bagi markah Matematik Tambahan sekumpulan murid dengan min 70 dan sisihan piawai σ_1. *Diagram 7 shows the normal distribution graph for the Additional Mathematics scores of a group of students with a mean of 70 and a standard deviation of* σ_1.			
	 Rajah 7 *Diagram 7*			
	(a)	(i)	Nyatakan nilai σ_1. *State the value of* σ_1.	
				[1 markah/*mark*]
		(ii)	Terangkan kesan kepada perubahan bentuk graf taburan normal itu jika nilai σ_1 berubah kepada σ_2 dengan keadaan $\sigma_2 < \sigma_1$. *Explain the effect on the shape of the normal distribution graph if the value of* σ_1 *changes to* σ_2 *such that* $\sigma_2 < \sigma_1$.	
				[1 markah/*mark*]

	(b)	Menggunakan aturan 68-95-99.7, tentukan peratusan murid yang memperoleh markah *Using 68-95-99.7 rule, determine the percentage of students who obtained scores*		
		(i)	di antara 37 dan 103, *between 37 and 103,*	
		(ii)	di bawah 46, *below 46,*	
		(iii)	di atas 105. *above 105.*	
				[3 markah/*marks*]
12	Rajah 8 menunjukkan sebahagian daripada graf fungsi nilai mutlak $h(x) = \|2x + 3\|$ untuk domain $-5 \leq x \leq 3$. *Diagram 8 shows part of the graph of an absolute valued function* $h(x) = \|2x + 3\|$ *for the domain* $-5 \leq x \leq 3$.			
	 Rajah 8 *Diagram 8*			
	(a)	Cari / *Find*		
		(i)	imej bagi -3, *the image of* -3,	
		(ii)	domain bagi $h(x) \leq 5$ *the domain for* $h(x) \leq 5$.	
				[3 markah/*marks*]
	(b)	Pada paksi yang sama, lakarkan graf bagi fungsi $h(x) = \|x + 4\|$ untuk $-5 \leq x \leq 3$. Seterusnya, nyatakan bilangan penyelesaian bagi persamaan $\|2x + 3\| = \|x + 4\|$. *On the same axes,sketch the graph of the function* $h(x) = \|x + 4\|$ *for* $-5 \leq x \leq 3$. *Hence ,state the number of solutions of the equation* $\|2x + 3\| = \|x + 4\|$.		
				[3 markah/*marks*]
13	Fungsi f ditakrifkan oleh $f(x) = 2x^2 - 4x + 3$ untuk $x \in \mathbb{R}$. *The function* f *is defined by* $f(x) = 2x^2 - 4x + 3$ *for* $x \in \mathbb{R}$			
	(a)	Ungkapkan $f(x)$ dalam bentuk $a(x + h)^2 + k$, dengan a, h dan k ialah pemalar. *Express* $f(x)$ *in the form of* $a(x + h)^2 + k$, *where* a, h *and* k *are constants.*		
				[3 markah/*marks*]

	(b)	Nyatakan julat bagi f. *State the range of f.*		
				[1 markah/*mark*]
	(c)	Terangkan kenapa f tidak mempunyai fungsi songsang. *Explain why f does not have an inverse funtion.*		
				[2 markah/*marks*]
	(d)	f mempunyai fungsi sonsang jika $x \geq A$, dengan A ialah pemalar. f has an inverse function if $x \geq A$, where A is constant.		
		(i)	Nyatakan nilai terkecil bagi A. *State the least value of A.*	
		(ii)	Seterusnya, cari ungkapan, dalam sebutan x untuk $f^{-1}(x)$. *Hence, find an expression, in terms of x for $f^{-1}(x)$.*	
				[3 markah/*marks*]
14	(a)	Ringkaskan $\frac{5+\sqrt{3}}{2-\sqrt{3}}$. Berikan jawapan dalam bentuk $a + b\sqrt{c}$, dengan keadaan a, b dan c ialah integer. *Simplify $\frac{5+\sqrt{3}}{2-\sqrt{3}}$. Give your answers in the form of $a + b\sqrt{c}$, such that a, b* and c are integers.		
				[3 markah/*marks*]
	(b)	Rajah 9 menunjukkan sebuah segi empat tepat ABCD dan sebuah segi empat sama ACEF. *Diagram 9 shows a rectangle ABCD and a square ACEF.*  Rajah 9 *Diagram 9*		
		Diberi AB $= (\sqrt{3}+1)$ cm dan perimeter segi empat tepat ABCD ialah $6\sqrt{3}$ cm. Tuliskan luas segi empat sama ACEF dalam bentuk $(a + b\sqrt{3})$cm^2, dengan keadaan a dan b ialah pemalar. *Given that* AB $= (\sqrt{3}+1)$ *cm and the perimeter of the rectangle ABCD is* $6\sqrt{3}$ *cm. Write down the area of the square ACEF in the form of* $(a + b\sqrt{3})cm^2$, *where* a *and* b *are constants.*		
				[5 markah/*marks*]
15	(a)	Selesaikan persamaan $2\cos 2x = 1 - 3\sin x$ bagi $0 \leqslant x \leqslant 360°$. *Solve the equation* $2\cos 2x = 1 - 3\sin x$ *for* $0 \leqslant x \leqslant 360°$.		
				[3 markah/*marks*]

	(b)	Diberi tan 2A = $-\frac{12}{5}$ dengan keadaan $90° \leqslant A \leqslant 180°$, tanpa menggunakan kalkulator , hitung nilai tan A . *Given tan 2A =* $-\frac{5}{13}$ *,where* $90° \leqslant A \leqslant 180°$ *, without using calculator, calculate the value of tan A.*		
				[4 markah /*marks*]
	(c)	Cari nilai bagi $\sin 15°$ dalam bentuk surd . *Find the value* $\sin 15°$ *in surd form .*		
				[2 markah /*marks*]

KERTAS 2 SET 1

1 Setiap bulan Puan Aini menerima RM2650 daripada penyewa untuk 3 buah rumahnya. Puan Aini mengupah Encik Azlan untuk menguruskan rumah-rumah tersebut. Puan Aini membayar kepada Encik Azlan seperti maklumat di dalam Jadual 1.

Every month Puan Aini receives RM2650 *from tenants for her* 3 *houses. Puan Aini hires Encik Azlan to manage the houses. Puan Aini paid to Encik Azlan as the information in Table* 1.

Jenis Rumah/ *Type of House*	Peratus Upah Encik Azlan dari Bayaran Sewa Rumah/ *The Percentages of Encik Azlan's Wages from the House Rent*
Rumah Teres setingkat/ *Single Storey Terrace House*	10%
Rumah Teres Dua Tingkat/ *Double-storey Terraced house*	20%
Rumah Semi-D/ *Semi-D House*	30%

Jadual 1/ *Table* 1

Jika sewa rumah semi-D ialah dua kali sewa rumah teres setingkat dan jumlah upahnya ialah RM595, maka berapakah sewa untuk setiap rumah?
If the rent of semi-D house is twice the rent of a high-rise house and the total wages is RM595*, then how much is the rent of each house?*

[7 markah / *marks*]

2 Fungsi kuadratik f ditakrifkan oleh $f(x) = 24x - 4x^2 + r$, dengan keadaan r ialah pemalar.
The quadratic function f is defined by $f(x) = 24x - 4x^2 + r$, *such that r is a constant.*

(a) Ungkapkan $f(x)$ dalam bentuk verteks $f(x) = a(x-h)^2 + k$, dengan keadaan a, h dan k ialah pemalar.
Express $f(x)$ *in the vertex form* $f(x) = a(x-h)^2 + k$, *such that a, h and k are constants.*

[2 markah / *marks*]

(b) Diberi nilai maksimum bagi $f(x)$ ialah 16, cari nilai bagi r.
Given that the maximum value of $f(x)$ *is* 16*, find the value of r.*

[2 markah / *marks*]

(c) Jika lengkung $f(x)$ dipantulkan pada paksi-x, nyatakan
If the curve $f(x)$ *is reflected on the x-axis, state*

(i) Fungsi kuadratik $f(x)$ yang baru
The new quadratic function $f(x)$

(ii) Koordinat verteks yang baru.
The new vertex coordinates.

[2 markah / *marks*]

3 Rajah 3 menunjukkan sebuah sisiempat *PQRS* dan *M* ialah titik tengah bagi pepenjuru *QS*.
Diagram 4 *shows a quadrilateral PQRS and M is the midpoint of the diagonal QS.*



Rajah 3 / *Diagram* 3

Diberi bahawa $\overrightarrow{PQ} = \underline{p} + 6\underline{q}$, $\overrightarrow{PS} = 7\underline{p} - 2\underline{q}$ dan $\overrightarrow{SR} = 3k\underline{p} - \underline{q}$, di mana k adalah pemalar.
It is given that $\overrightarrow{PQ} = \underline{p} + 6\underline{q}$, $\overrightarrow{PS} = 7\underline{p} - 2\underline{q}$ *and* $\overrightarrow{SR} = 3k\underline{p} - \underline{q}$, *where k is a constant.*

(a) Ungkapkan dalam sebutan $\underline{p}$ dan $\underline{q}$,
Express in terms of $\underline{p}$ *and* $\underline{q}$,

(i) $\overrightarrow{QM}$,
(ii) $\overrightarrow{PM}$.

[4 markah / *marks*]

(b) Cari $\overrightarrow{PR}$ dalam sebutan k, $\underline{p}$ dan $\underline{q}$. Seterusnya, cari nilai k jika P, M dan R adalah segaris.
Find $\overrightarrow{PR}$ *in terms of k,* $\underline{p}$ *and* $\underline{q}$. *Hence, find the value of k if P, M and R are collinear.*

[3 markah / *marks*]

(c) (a) Carikan nisbah bagi *PM* : *MR*.
Find the ratio of PM : *MR*.

[1 markah / *marks*]

4 Rajah menunjukkan sebahagian daripada lengkung $y = \frac{1}{2}x^3 - 4x + 5$
The diagram shows part of the curve $y = \frac{1}{2}x^3 - 4x + 5$



Tangen dan normal kepada lengkung itu di titik *P* (2, 1) masing-masing memotong paksi–*x* di titik *Q* dan *R*.
The tangent and normal to the curve at the point P (2, 1) *cut the x – axis at the points Q and R.*

Cari / *Find*

(a) koordinat *Q* dan koordinat *R,*
the coordinates of Q and R,

[6 markah / *marks*]

(b) luas, dalam unit^2 segi tiga *PQR*.
the area, in unit^2*, of the triangle PQR.*

[2 markah / *marks*]

5 (a) Buktikan identiti $-sek\frac{3}{2}x\ sin\ 3x = -2sin\frac{3}{2}x$.

Prove the identity $-sec\frac{3}{2}x\ sin\ 3x = -2sin\frac{3}{2}x$.

[3 markah / *marks*]

(b) (i) Lakarkan graf bagi $y = -sek\frac{3}{2}x\ sin\ 3x$ untuk $0 \leq x \leq 2\pi$.

Sketch the graph $y = -sek\frac{3}{2}x\ sin\ 3x$ *for* $0 \leq x \leq 2\pi$.

(ii) Seterusnya, menggunakan paksi yang sama, lakarkan garis lurus yang sesuai untuk mencari bilangan penyelesaian bagi persamaan $6sin\frac{3}{2}x = \frac{3}{2\pi}x - 3$.

Hence, using the same axes, sketch a suitable straight line to find the number of solutions to the equation $6sin\frac{3}{2}x = \frac{3}{2\pi}x - 3$.

[6 markah / *marks*]

6 Rajah 6 menunjukkan sebidang tanah yang dimiliki oleh Vanie. *ACD* merupakan satu semibulatan yang berpusat di *E* dan *ABCE* merupakan satu sukuan bulatan yang berpusat di *A*.
Diagram shows a plot of land owned by Vanie. ACD is a semicircle centred at E and ABCE is a quadrant centred at A.



Rajah 6 / *Diagram* 6

(a) Cari nilai bagi $\angle CAE$, dalam radian betul kepada empat tempat perpuluhan.
Find the value of $\angle CAE$*, in radians correct to four decimals places.*

[2 markah / *marks*]

(b) Vanie ingin membina pagar di sekeliling tanahnya. Diberi luas bagi sektor *CDE* ialah 37.70 cm^2. Cari panjang bagi *AE* dan seterusnya hitung panjang pagar yang perlu dibina.
Vanie wants to build a fence around her land. Given the area of the quadrant CDE is 37.70 cm^2. Find the length of AE and hence calculate the length of the fence that needs to be built.
[Guna/*Use* $\pi = 3.142$]

[4 markah / *marks*]

7 Hasil tambah n sebutan pertama bagi suatu janjang aritmetik diberi oleh $S_n = \frac{n}{2}(3n + 1)$.
Cari
The sum of the first n terms of an arithmetic progression is given by $S_n = \frac{n}{2}(3n + 1)$. *Find*

(a) nilai bagi sebutan pertama dan beza sepunya,
the value of the first term and the common difference,

[4 markah / *marks*]

(b) sebutan kelima janjang itu.
the fifth term of the progression.

[2 markah / *marks*]

8 Rajah 8 menunjukkan sebahagian daripada lengkung $y = g(x)$ dan tangen kepada lengkung itu di titik A (1, 5).
Diagram 8 *shows part of the curve* $y = g(x)$ *and the tangent to the curve at the point* A (1, 5).



Rajah 8 / *Diagram* 8

Diberi fungsi kecerunan bagi lengkung itu ialah $2x$.
It is given that the gradient function of the curve is $2x$.

(a) Cari / *Find*

(i) persamaan lengkung ,
the equation of the curve ,
(ii) persamaan tangen kepada lengkung itu di titik A.
the equation of the tangent at point A.

[4 markah / *marks*]

(b) Tunjukkan bahawa luas rantau berlorek ialah $\frac{1}{3}$ unit^2.
Show that the area of shaded region is $\frac{1}{3}$ *unit*^{2}.

[3 markah / *marks*]

(c) Cari isipadu janaan, dalam sebutan π, apabila rantau yang dibatasi oleh lengkung $y = g(x)$, paksi-y dan garis lurus $y = 8$ dikisarkan melalui 360° pada paksi-y.
Find the volume of revolution, in terms of π, when the region bounded by the curve $y = g(x)$, *the straight line* $y = 8$ *and the y-axis is rotated through* 360° *about the y-axis*.

[3 markah / *marks*]

9 (a) Di dalam suatu permainan, seorang pemain mesti meneka bilangan kacang di dalam suatu bekas. Diberi kebarangkalian membuat satu tekaan yang betul adalah p.
In a game, a player has to guess the number of nuts in a container. Given the probability of making a correct guess is p.

(i) Cari nilai p dan bilangan tekaan yang betul supaya min dan sisihan piawai bagi bilangan tekaan yang betul adalah 36 dan $\frac{5\sqrt{5}}{2}$ masing-masing.
Find the value of p and the number of guesses required so that the mean and standard deviation for the number of correct guesses are 36 and $\frac{5\sqrt{5}}{2}$ *respectively.*

(ii) Sekiranya seorang pemain membuat 6 tekaan, cari kebarangkalian sekurang-kurangnya 5 daripadanya adalah salah.
If a player makes 6 guesses, find the probability that at least 5 of them are wrong.

[5 markah / *marks*]

(b) Markah dalam suatu ujian Bahasa Melayu di sebuah sekolah bertaburan normal dengan min □ dan varians σ^2. 10 % daripada murid di sekolah itu mendapat lebih daripada 75 markah dan 25 % daripada murid itu mendapat kurang daripada 40 markah. Cari nilai □ dan σ.
Scores in an Malay Language test at a school are normally distributed with mean □ *and variance* σ^2 *. 10% of the students in the school got more than 75 marks and 25% of the students got less than 40 marks. Find the values of* □ *and* σ.

[5 markah / *marks*]

10 Rajah di bawah menunjukan lokus bagi dua titik bergerak $P(x, y)$ dan $Q(x, y)$.
Diagram below shows the locus for two moving points $P(x, y)$ and $Q(x, y)$.



Titik $P(x, y)$ bergerak dengan keadaan segi tiga *APB* sentiasa bersudut tegak di *P*. Titik $Q(x, y)$ pula bergerak dengan keadaan sentiasa sama jarak dari titik $A(-6, 1)$ dan titik $B(-4, 9)$.
The point $P(x, y)$ moves such that the triangle APB is always having a right angle at P. The point $Q(x, y)$ moves such that it is always equidistant from the point $A(-6, 1)$ and point $B(-4, 9)$.

(a) Cari persamaan lokus bagi titik *P*.
Find the equation of the locus of point P.

[2 markah / m*arks*]

(b) Tunjukkan bahawa lokus bagi titik Q ialah $x + 4y - 15 = 0$.
Show that the locus of Q is $x + 4y - 15 = 0$.

[2 markah / *marks*]

(c) Cari koordinat titik *D* dan titik *E* iaitu titik-titik persilangan bagi kedua-dua lokus itu.
Find the coordinates of points D and points E which is the intersection points of both loci.

[4 markah / *marks*]

(d) Cari luas, dalam unit^2, sisi empat *AEBD*.
Find the area, in unit^2, of quadrilateral AEBD.

[2 markah / *marks*]

11 Gunakan graf yang disediakan pada halaman 19 untuk menjawab soalan ini.
Use the graph provided on page 19 *to answer this question.*

Jadual 1 menunjukkan nilai-nilai bagi dua pemboleh ubah, x dan y, yang diperoleh daripada suatu eksperimen. Pemboleh ubah x dan y dihubungkan oleh persamaan $y = hx^{k-2}$, dengan keadaan h dan k ialah pemalar.
Table 1 shows the value of two variables, x *and* y*, obtained from an experiment. The variable* x *and* y *are related by the equation* $y = hx^{k-2}$*, where* h *and* k *are constants.*

x	1.26	2.09	5.01	6.31	10	15.85
y	2.51	4.27	10	16.60	25.70	44.67

Jadual 1 / *Table* 1

(a) Plot $\log_{10} y$ melawan $\log_{10} x$, dengan menggunakan skala 2 cm kepada 0.2 unit pada kedua-dua paksi. Seterusnya, Lukis garis lurus penyuaian terbaik.
Plot $\log_{10} y$ *against* $\log_{10} x$ *, using a scale of* 2 *cm to* 0.2 *unit on both axes. Hence, draw the line of best fit.*

[5 markah / *marks*]

(b) Dengan menggunakan graf di (a), cari
Using graph in (a), find

(i) nilai k,
the value of k

(ii) nilai h,
the value of h*,*

(iii) Nilai x apabila $y = 6.31$
The value of x *when* $y = 6.31$

[5 markah / *marks*]

12 Penyelesaian secara lukisan berskala tidak diterima.
Solution by scale drawing is not accepted

Rajah 1 di bawah menunjukkan sisi empat kitaran *ABCD*. Diberi *AB* = 5 cm, *BC* =7.7 cm, CD=3.2 cm dan $\angle ABC = 69°$.
Diagram 1 below shows a cyclic quadrilateral ABCD Given that AB = 5 cm, BC =7.7 cm, CD=3.2 cm and $\angle ABC = 69°$.



Rajah 1 / *Diagram 1*

(a) Hitung /*Calculate,*

(i) panjang, dalam cm, bagi *AB*
the length, in cm, of AB,

(ii) $\angle ACD$.

[4 markah / *marks*]

(b) Cari / *Find*

(i) luas, dalam cm^2, bagi ΔABC,
the area, in cm^2, *of* ΔABC,

(ii) Jarak terdekat, dalam cm dari titik *B* ke *AC*
The shortest disstance, in cm from point B to AC.

[4 markah / *marks*]

(c) Segitiga $A'C'D'$ yang mempunyai bentuk yang berbeza dengan segitiga ACD dengan keadaan $A'D' = AD$, $C'D' = CD$ *d*an $\angle C'A'D' = \angle C\ A\ D$, Lakarkan segitiga $A'C'D'$ dan seterusnya nyatakan nilai $\angle A'C'D'$.

A triangle $A'C'D'$ *has a shape different from triangle* ACD *with conditions* $A'D' =$ AD, $C'D' = CD$ *and* $\angle C'A'D' = \angle C\ A\ D$ *, Sketch the triangle* $A'C'D'$ *and state the value of* $\angle A'C'D'$.

[2 markah / *marks*]

13 Jadual di bawah menunjukkan harga dan pemberat bagi empat barangan *A, B, C* dan *D* yang digunakan dalam pembuatan sehelai seluar panjang.
Table below shows the prices and weightages of four items A, B, C and D used in making a pant.

Barangan *Item*	Harga (RM) *Price*		Pemberat, *W* *Weightage, W*
	Tahun 2018 *Year 2018*	Tahun 2021 *Year 2021*	
A	2.50	3.00	8
B	4.20	6.30	7
C	x	$x + 2$	3
D	3.20	y	z

(a) Diberi indeks harga barangan *C* pada tahun 2021 berasaskan tahun 2018 ialah 140. Cari nilai x.
Given the price index of item C in the year 2021 based on the year 2018 is 140. Find the value of x.

[2 markah / *marks*]

(b) Cari nilai y jika indeks harga barangan *D* pada tahun 2018 berasaskan tahun 2021 ialah 80.
Find the value of y if the price index of item D in the year 2018 based on the year 2021 is 80.

[2 markah / *marks*]

(c) ika indeks gubahan bagi empat barangan itu pada tahun 2021 berasaskan tahun 2018 ialah 134, cari nilai *z*.
If the composite index of the four items in the year 2021 based on the year 2018 is 134, find the value of z

[4 markah / *marks*]

(d) Hitung harga sehelai seluar panjang pada tahun 2018 jika harganya yang sepadan pada tahun 2021 ialah RM 26.
Calculate the price of a pant in the year 2018 if its corresponding price in the year 2021 is RM 26.

[2 markah/ *marks*]

14 Syarikat pelancongan menawarkan satu pakej ke Kuala Lumpur bagi sekumpulan pelancong. Kumpulan itu terdiri daripada x orang kanak-kanak dan y orang dewasa berdasarkan kekangan berikut:
Companies offer a package to Kuala Lumpur for a group of tourists. The group consists of x children and y adults based on the following constraints:

I Kumpulan itu terhad kepada 60 orang sahaja.
The group is limited to 60 people only.

II Bayaran bagi seorang dewasa ialah RM120 dan bayaran bagi seorang kanak-kanak ialah RM60. Jumlah bayaran mestilah sekurang-kurangnya RM3 600.
The fee for an adult is RM120 and the fee for a child is RM60. The total payment must be at least RM3 600.

III Bilangan orang dewasa mestilah sekurang-kurangnya dua kali bilangan kanak-kanak.
The number of adults must be at least twice the number of children

(a) Tulis tiga ketaksamaan, selain daripada $x \geq 0$ dan $y \geq 0$, yang memenuhi semua kekangan di atas.
Write three inequalities, other than $x \geq 0$ and $y \geq 0$, that satisfy all the above constraints.

[3 markah / *marks*]

(b) Menggunakan skala 2 cm kepada 10 orang pada kedua-dua paksi, bina dan lorek rantau R yang memenuhi semua kekangan di atas.
Using a scale of 2 cm to 10 people on both axes, construct and shade the R region satisfy all the above constraints.

[3 markah / *marks*]

(c) Dengan menggunakan graf anda di (b), cari
Using your graph in (b), find

(i) bilangan maksimum orang dewasa jika bilangan kanak-kanak ialah 12 orang,
the maximum number of adults if the number of children is 12,

(ii) keuntungan maksimum yang diperoleh syarikat pelancongan itu jika keuntungan bagi seorang kanak-kanak dan seorang dewasa masing-nmasing ialah RM90 dan RM30.
the maximum profit obtained by the travel company if the profit is for one person a child and an adult are RM90 and RM30 respectively.

[4 markah / m*arks*]

15 Penyelesaian secara lakaran graf **tidak** diterima.
Solution by graph sketching is **not** *accepted.*

Rajah menunjukkan zarah P dan zarah Q yang bergerak pada suatu garis lurus dan melalui satu titik tetap O.
Diagram shows particle P and particle Q that move a along a straight line and pass through a fixed point O.

Rajah 15 /*Diagram* 15

Zarah P mula bergerak dari titik A dan zarah Q mula bergerak dari titik B secara serentak. Selepas t saat, halaju, $v\ ms^{-1}$, bagi zarah P diberi oleh $v_P = 2t - 6$ dan bagi zarah Q diberi oleh $v_Q = 10 - 2t$.
Particle P starts moving from point A and particle Q starts moving from point B simulatenously. After t seconds, the velocity, v ms^{-1}, of particle P is given by $v_P = 2t - 6$ and of particle Q is given by $v_Q = 10 - 2t$.

(a) Tentukan zarah mana melalui titik tetap O dahulu. Seterusnya, nyatakan masa, dalam saat.
Determine which particle passes through the fixed point O first. Hence, state the time, in seconds.

[4 markah / *marks*]

(b) Kedua-dua zarah bertemu selepas k saat. Cari nilai k.
The two particles meet after k seconds. Find the value of k.

[3 markah / *marks*]

(c) Cari jarak paling jauh, dalam m, antara zarah P dan zarah Q sepanjang gerakan itu.
Find the furtest distance, in m, between particle P and particle Q during the motion.

[3 markah / *marks*]

1	Rajah 1 berikut menunjukkan graf bagi fungsi kuadratik $f(x) = 2x^2 + 4x + k$. *Diagram* 1 *shows the graph of quadratic function* $f(x) = 2x^2 + 4x + k$.			
			 Rajah 1 *Diagram* 1	
	(a)	Cari / *Find*		
		(i)	Nilai bagi k dan m, *The value of* k *and* m,	
		(ii)	Seterusnya, nyatakan koordinat titik Q. *Hence, state the coordinate of point* Q.	
				[6 markah/*marks*]
	(b)	Lakarkan graf jika fungsi $f(x)$ itu berubah kepada $f(x) = 2x^2 - 4x + k$. *Sketch the graph if the function* $f(x)$ *changes to* $f(x) = 2x^2 - 4x + k$.		
				[1 markah/*mark*]
2	(a)	Selesaikan persamaan $27^{1-x} - 81^{-\frac{3}{4}} = 0$ *Solve the equation* $27^{1-x} - 81^{-\frac{3}{4}} = 0$		
				[3 markah/*marks*]
	(b)	(i)	Selesaikan $5^x . 6^{3x-1} = 30$ *Solve* $5^x . 6^{3x-1} = 30$	
				[3 markah/*marks*]
		(ii)	Diberi $f(x) = \ln(4x - 2)$. Cari $f(3)$ *Given* $f(x) = ln(4x - 2)$. *Find* $f(3)$.	
				[2 markah/*marks*]
3	Diberi bahawa $h, 7$ dan $k + 1$ ialah tiga sebutan pertama bagi suatu janjang geometri. Ungkapkan dalam sebutan k, *It is given that* $h, 7$ *and* $k + 1$ *are the first three terms of a geometric progression. Express in term of* k,			
	(a)	sebutan pertama dan nisbah sepunya, *the first term and common ratio of the progression,*		
				[3 markah/*marks*]
	(b)	hasil tambah sebutan hingga ketakterhinggaan janjang itu. *the sum to infinity of the progression.*		
				[2 markah/*marks*]

4	Pemboleh ubah x dan y dihubungkan oleh persamaan $y = mx^n$, dengan keadaan m dan n ialah pemalar . Graf garis lurus diperoleh dengan memplotkan $\log_{10} y$ melawan$\log_{10} x$, seperti yang ditunjukkan pada Rajah 2. *The variables x and y are related by the equation $y = mx^n$, such that m and n are constants.* *A straight line graph is obtained by plotting $\log_{10} y$ against $\log_{10} x$, as shown in the Diagram 2.*			
			 Rajah 2 *Diagram 2*	
	(a)	Tukarkan persamaan $y = mx^n$ kepada bentuk linear $Y = mX + c$. *Convert the equation $y = mx^n$ to linear form, $Y = mX + c$.*		
				[1 markah/*mark*]
	(b)	Cari nilai bagi *Find the value of*		
		(i)	m	
		(ii)	n	
				[3 markah/*marks*]
5	Titik $A(5,0), B(3,3)$ dan $C(-6, p)$ ialah bucu-bucu sebuah segi tiga. Cari nilai-nilai p jika luas ΔABC ialah 16 $unit^2$. *Points $A(5,0), B(3,3)$ and $C(-6, p)$ are the vertices of a triangle. Find the values of p if the area of ΔABC is 16 $unit^2$.*			
				[3 markah/*marks*]
6	Suatu zarah bergerak dari titik $(5,10)$ dengan vektor halaju malar $(3i - 4j)$ ms^{-1}. *A particle starts moving from point $(5,10)$ with a constant velocity $(3i - 4j)$ ms^{-1}.* Cari *Find*			
	(a)	laju, dalam ms^{-1}, zarah itu, *the speed, ms^{-1}, of the object,*		
				[2 markah/*marks*]
	(b)	kedudukan objek apabila $t = 5$,		

		the position of the object when $t = 5$, [2 markah/*marks*]	
	(c)	masa, dalam saat, apabila zarah berada di sebelah kanan asalan. *the time, in seconds, when the particle is to the right of the origin.* [2 markah/*marks*]	
7	Rajah 3 menunjukkan sektor POQ bagi bulatan dengan sudut, θ dan jejari, j cm. Diberi perimeter sektor ialah 22 cm dan luas 24 cm^2. *Diagram* 3 *shows sector* POQ *of a circle with angle,* θ *and radius,* j *cm. Given the perimeter of the sector is* 22 cm *and the area is* 24 cm^2.  Rajah 3 *Diagram* 3	
	Cari nilai jejari, j dan sudut, θ dalam radian. *Find the value of the radius,* j *and the angle,* θ *in radian.* [4 markah/*marks*]		
8	(a)	Rajah 4 menunjukkan sebahagian daripada graf fungsi $y = (x)$. *Diagram* 4 shows a part of the function graph $y = (x)$.	
		 Rajah 4 *Diagram* 4	
		Berdasarkan graf, *Based on the graph,*	
		(i) cari $f(0)$, *find* $f(0)$,	
		(ii) tentukan sama ada $had_{x\to 0}\, f(x)$ wujud atau tidak. Jelaskan. *determine whether* $had_{x\to 0}\, f(x)$ *exists or not. Explain.*	
	(b)	Seterusnya, cari *Then, find*	

		(i)	$\lim_{x \to -1^+} f(x)$, $\lim_{x \to -1} f(x)$,
		(ii)	$\lim_{x \to 5^+} f(x)$. $\lim_{x \to 5} f(x)$.
			[4 markah/*marks*]
9	Diberi $\int_4^6 q(x)\,dx = 7$ dan $\int_4^k p(x)\,dx = 8$, cari *Given that* $\int_4^6 q(x)\,dx = 7$ *and* $\int_4^k p(x)\,dx = 8$, *find*		
	(a)	$\int_4^5 q(x)\,dx + \int_5^6 q(x)dx$,	
			[1 markah/*mark*]
	(b)	nilai k jika $\int_4^6 q(x)\,dx + \int_4^k [p(x) + x]\,dx = 25$. *the value of k if* $\int_4^6 q(x)\,dx + \int_4^k [p(x) + x]\,dx = 25$.	
			[3 markah/*marks*]
10	(a)	(i)	Syifaa mempunyai 6 biji manik berbentuk bintang dan 6 biji manik berbentuk bulan yang semuanya berbeza warna. Berapakah bilangan cara dia boleh menghias gelangnya jika dia ingin menggunakan semua maniknya untuk menghias gelangnya dengan manik berbentuk bulan dan bintang disusun secara berselang seli. *Syifaa has* 6 *beads in the shape of a star and* 6 *moon-shaped beads which all are different in colours. How many ways can she decorate her bracelet if she wants to use all her beads to decorate the bracelet with moon and star shaped beads arranged alternately.*
	(a)	(ii)	Nuwair ingin menyusun huruf dalam perkataan $PENYAYANG$. Tentukan bilangan susunan yang dapat dibentuk jika huruf pertama mestilah suatu huruf vokal dan berakhir dengan huruf konsonan. *Nuwair wants to arrange the letters in the word* $PENYAYANG$. *Determine the number of combinations that can be formed if the first letter must be a vowel and end with a consonant.* [4 markah/*marks*]
	(b)	Yusuf telah melukis 10 titik pada suatu kertas dengan 4 daripadanya diletakkan di atas suatu garis. Rajah 3 menunjukkan kedudukan titik-titik yang telah dilukis oleh Yusuf. *Yusuf has drawn* 10 *dots on a piece of paper with* 4 *of them placed on a line.* *Figure* 3 *shows the position of the dots drawn by Yusuf.*	



Rajah 3

Diagram 3

Cari
Find

(i) bilangan garis lurus yang dapat dilukis,
the number of straight lines that can be drawn,

(ii) bilangan segi tiga yang dapat dibentuk.
the number of triangles that can be formed.

[4 markah/*marks*]

11 Rajah 4 menunjukkan graf taburan normal bagi markah Matematik Tambahan sekumpulan murid dengan min 65 dan sisihan piawai σ_1.
Diagram 4 the normal distribution graph for the Additional Mathematics scores of a group of students with a mean of 65 *and a standard deviation of* σ_1.



Rajah 4

Diagram 4

(a) (i) Nyatakan nilai σ_1.
State the value of σ_1.

[1 markah/*mark*]

(ii) Terangkan kesan kepada perubahan bentuk graf taburan normal itu jika nilai σ_1 berubah kepada σ_2 dengan keadaan $\sigma_2 < \sigma_1$.
Explain the effect on the shape of the normal distribution graph if the value of σ_1 *changes to* σ_2 *such that* $\sigma_2 < \sigma_1$.

[1 markah/*mark*]

	(b)	Menggunakan aturan $68 - 95 - 99.7$, tentukan peratusan murid yang memperoleh markah *Using* $68 - 95 - 99.7$ *rule, determine the percentage of students who obtained scores*	
		(i)	di antara 34 dan 96, *between* 34 *and* 96,
		(ii)	di bawah 43, *below* 43,
		(iii)	di atas 97. *above* 97. [3 markah/*marks*]
12	Rajah 5 menunjukkan sebahagian daripada graf fungsi nilai mutlak $f(x) = \|-6x + 2\|$ untuk domain $-4 \leq x \leq 4$. *Diagram* 5 *shows part of the graph of an absolute valued function* $f(x) = \|-6x + 2\|$ *for the domain* $-4 \leq x \leq 4$.		
		 Rajah 5 *Diagram* 5	
	(a)	Diberi bahawa graf fungsi $f(x)$ melalui titik $(0,2)$ dan $\left(\frac{1}{3}, 0\right)$. Given that graph of the function $f(x)$ passes through the points $(0,2)$ and $\left(\frac{1}{3}, 0\right)$.	
		Cari *Find*	
		(i)	nilai bagi $f(3)$, *the value of* $f(3)$,
		(ii)	domain bagi $f(x) < 10$. *the domain for* $f(x) < 10$. [3 markah/*marks*]
	(b)	Pada paksi yang sama, lakarkan graf bagi fungsi $f(x) = \|6 - 2x\|$ untuk $-4 \leq x \leq 4$. Seterusnya, nyatakan bilangan penyelesaian bagi persamaan $\|-6x + 2\| = \|6 - 2x\|$.	

		On the same axes,sketch the graph of the function $f(x) = \|6 - 2x\|$ *for* $-4 \leq x \leq 4$. *Hence,state the number of solutions of the equation* $\|-6x + 2\| = \|6 - 2x\|$. [3 markah/*marks*]	
13	Fungsi f ditakrifkan oleh $f(x) = 2x^2 + 4x + 5$ untuk $x \in \mathbb{R}$. *The function* f *is defined by* $f(x) = 2x^2 + 4x + 5$ *for* $x \in \mathbb{R}$..		
	(a)	Ungkapkan $f(x)$ dalam bentuk $a(x + h)^2 + k$, dengan a, h dan k ialah pemalar. *Express* $f(x)$ *in the form of* $a(x + h)^2 + k$, *where* a, h *and* k *are constants.* [2 markah/*marks*]	
	(b)	Nyatakan julat bagi f. *State the range of* f. [1 markah/*mark*]	
	(c)	Terangkan kenapa f tidak mempunyai fungsi songsang. *Explain why* f *does not have an inverse funtion.* [2 markah/*marks*]	
	(d)	f mempunyai fungsi sonsang jika $x \geq A$, dengan A ialah pemalar. f has an inverse function if $x \geq A$, where A is constant.	
		(i)	Nyatakan nilai terkecil bagi A, *State the least value of A,*
		(ii)	Seterusnya, cari ungkapan, dalam sebutan x untuk $f^{-1}(x)$. *Hence, find an expression, in terms of* x *for* $f^{-1}(x)$. [3 markah/*marks*]
14	(a)	Ringkaskan $\frac{\sqrt{7}-\sqrt{5}}{\sqrt{7}+\sqrt{5}}$. Berikan jawapan dalam bentuk $a - \sqrt{b}$, dengan keadaan a dan b ialah integer. *Simplify* $\frac{\sqrt{7}-\sqrt{5}}{\sqrt{7}+\sqrt{5}}$. *Give your answers in the form of* $a - \sqrt{b}$, *such that* a *and* b *are integers.* [3 markah/*marks*]	

	(b)	Rajah 6 menunjukkan sebuah segi empat sama $PRST$ dan sebuah segi tiga PQR. Sisi PQ bagi suatu segi tiga PQR berserenjang dengan sisi QR. Diberi bahawa $PQ = (4\sqrt{3} + 4)cm$ dan $QR = (2\sqrt{3} + 4)cm$. *Diagram* 6 *shows a square PRST and a triangle PQR. Side PQ of a triangle PQR is perpendicular to side QR. Given that* $PQ = (4\sqrt{3} + 4)cm$ *and* $QR = (2\sqrt{3} + 4)cm$.  Rajah 6 *Diagram* 6	
		(i)	Cari luas segi empat sama $PRST$. Beri jawapan dalam bentuk surd teringkas. *Find the area of square* $PRST$. *Give answer in the simplest surd.*
		(ii)	Seterusnya, cari luas $PQRST$ dalam bentuk surd teringkas. *Hence, find the area of* $PQRST$ *in the simplest surd form.* [5 markah/*marks*]
15	(a)	Selesaikan persamaan $3\ kos\ 2x + 1 = -4\ kos\ x$ untuk $0^0 \leq x \leq 360^0$. *Solve the equations* $3\ kos\ 2x + 1 = -4\ kos\ x$ for $0^0 \leq x \leq 360^0$. [3 markah/*marks*]	
	(b)	Jika θ ialah sudut cakah dengan keadaan $\tan\theta = \frac{4}{3}$, cari nilai bagi $\tan(\frac{\theta}{2})$. If θ is an obtuse angle where $\tan\theta = \frac{4}{3}$, find the value of $\tan(\frac{\theta}{2})$. [3 markah/*marks*]	
	(c)	Cari nilai bagi $\sin 67.5^0$ dalam bentuk surd. *Find the value of* $\sin 67.5^0$ *in surd form.* [2 markah/*marks*]	

KERTAS 2 SET 2

1 Kedai Kek Mama membuat x biji kek coklat, y biji kek keju dan z biji kek buah-buahan dalam satu hari. Jumlah bilangan kek yang dibuat pada suatu hari tertentu ialah 24 biji. Harga sebiji kek coklat, sebiji kek keju dan sebiji kek buah-buahan masing-masing ialah RM60, RM40 dan RM80. Pada hari tersebut, Kedai Kek Mama telah mengutip sebanyak RM1400 daripada jualan ketiga-tiga kek tersebut. Diberi bahawa bilangan kek coklat adalah 2 biji lebih daripada dua kali ganda bilangan kek buah-buahan.
Tentukan bilangan kek coklat, bilangan kek keju dan bilangan kek buah-buahan yang dijual oleh Kedai Kek Mama.

Kedai Kek Mama bakes x number of chocolate cakes, y number of cheese cakes and z number of fruit cakes in a day. The total number of cakes baked on a certain day is 24. The price of a chocolate cake, a cheese cake and a fruit cake are RM60, RM40 *and* RM80 *respectively. On that day, Kedai Kek Mama collected* RM1400 *from the sales of all the three cakes. Given that the number of chocolate cakes is* 2 *more than twice the number of fruit cakes.*
Determine the number of chocolate cakes, number of cheese cakes and number of fruit cakes sales by Kedai Kek Mama.

[7 markah/*marks*]

2 Fungsi kuadratik f ditakrifkan oleh $f(x) = x^2 + 4x + h$, dengan keadaan h ialah pemalar.
The quadratic function f is defined by $f(x) = x^2 + 4x + h$, such that h is a constant.

(a) Ungkapkan $f(x)$ dalam bentuk verteks $(x + m)^2 + n$, dengan keadaan m dan n ialah pemalar.
Express $f(x)$ in the vertex form $(x + m)^2 + n$, such that m and n are constants.

[2 markah/*marks*]

(b) Diberi nilai minimum bagi $f(x)$ ialah 8, cari nilai bagi h.
Given that the minimum value of $f(x)$ is 8, find the value of h.

[2 markah/*marks*]

(c) Jika lengkung $f(x)$ dipantulkan pada paksi-x, nyatakan
If the curve $f(x)$ is reflected on the x-axis, state

(i) Fungsi kuadratik $f(x)$ yang baharu
The new quadratic function $f(x)$

(ii) Koordinat verteks yang Baharu
The new vertex coordinates.

[2 markah/*marks*]

3 Rajah menunjukkan sebuah sisi empat $PQRS$. Pepenjuru PR dan SQ bersilang di titik A. Diberi bahawa:
Diagram shows a quadrilateral $PQRS$. The diagonals PR and SQ intersect at point A. It given that:

$$\overrightarrow{PQ} = 10\underline{x}, \overrightarrow{PS} = 6\underline{y}, AQ = 5SA$$



(a) Ungkapkan vektor berikut dalam sebutan $\underline{x}$ dan $\underline{y}$.
Express the following vectors in terms of $\underline{x}$ and $\underline{y}$.

(i) $\overrightarrow{SQ}$
(ii) $\overrightarrow{PA}$

[3 markah/*marks*]

(b) Diberi $\overrightarrow{SR} = k\underline{y} + 5\underline{x}$ dan $\overrightarrow{PA} = h\overrightarrow{PR}$, dengan keadaan h dan k ialah pemalar. Cari nilai h dan nilai k.
Given $\overrightarrow{SR} = k\underline{y} + 5\underline{x}$ and $\overrightarrow{PA} = h\overrightarrow{PR}$, where h and k are constants. Find the values of h and k.

[5 markah/*marks*]

4 Rajah menunjukkan sebahagian daripada lengkung $y = 3\sqrt{x+1}$.
The diagram shows part of the curve $y = 3\sqrt{x+1}$.



Tangen dan normal kepada lengkung itu di titik $A(8\,,9)$ masing-masing memotong paksi-x di titik H dan titik K.
The tangent and normal to the curve at the point $A(8\,,9)$ *cut the x-axis at the points* H *and* K.
Cari / *Find*

(a) koordinat H dan koordinat K,
the coordinates of H *and* K,

[6 markah/*marks*]

(b) luas, dalam unit^2 , segitiga AHK.
the area, in unit^2 *, the triangle* AHK.

[2 markah/*marks*]

5 (a) Buktikan bahawa $\frac{\sin^2 \frac{3}{2}\theta}{\kos^2 \frac{3}{2}\theta} + 2\sin\frac{3}{2}\theta - \frac{1}{\kos^2 \frac{3}{2}\theta} = 2\sin\frac{3}{2}\theta - 1$

Prove the identity $\frac{\sin^2 \frac{3}{2}\theta}{\kos^2 \frac{3}{2}\theta} + 2\sin\frac{3}{2}\theta - \frac{1}{\kos^2 \frac{3}{2}\theta} = 2\sin\frac{3}{2}\theta - 1$

[3 markah/*marks*]

(b) (i) Lakar graf bagi $y = 2\sin\frac{3}{2}\theta - 1$ untuk $0 \leq \theta \leq 2\pi$,

Sketch the graph of $y = 2\sin\frac{3}{2}\theta - 1 \ for \ 0 \leq \theta \leq 2\pi$,

[3 markah/*marks*]

(ii) Seterusnya dengan menggunakan paksi yang sama, lakar satu garis lurus yang sesuai untuk mencari bilangan penyelesaian bagi persamaan $2\sin\frac{3}{2}\theta - 1 + \frac{1}{2} = \frac{3}{8\pi}$ untuk $0 \leq \theta \leq 2\pi$. Nyatakan bilangan penyelesaian itu.

Hence using the same axes, sketch the suitable straight line to find the number of solution to the equation $2\sin\frac{3}{2}\theta - 1 + \frac{1}{2} = \frac{3}{8\pi}\theta \ for \ 0 \leq \theta \leq 2\pi$. *State the number of solution.*

[3 markah/*marks*]

6 Rajah menunjukkan keratan rentas membulat seragam bagi sebatang balak dengan jejari 50 cm terapung di atas air. Titik A dan B terletak pada permukaan air dan titik tertinggi C ialah 10 cm di atas permukaan air.
The diagram shows the cross-section area of a log with a radius of 50 cm floating on the water. The points A and B lie on the surface of the water and the highest point C is 10 cm above the surface of the water.



Hitung/*Calculate*

(a) $\angle AOB$ dalam radian,
$\angle AOB$ *in radians,*

[2 markah/*marks*]

(b) panjang lengkok ACB, dalam cm,
the arc length ACB*, in* cm.

[2 markah/*marks*]

(c) luas keratan rentas di bawah permukaan air, dalam $cm2$.
The cross-section area that is below the water, in $cm2$.

[2 markah/*marks*]

7 Hasil tambah n sebutan pertama bagi suatu janjang aritmetik diberi oleh $S_n = 2n^2 - n$.
Cari ,
The sum of the first n *terms of a progression is* $S_n = 2n^2 - n$.
Find ,

(a) nilai bagi sebutan pertama dan beza sepunya ,
the values of the first term and the common difference,

[4 markah/*marks*]

(b) sebutan kelapan bagi janjang itu.
the eight term of the progression ,

[2 markah/*marks*]

8 Rajah menunjukkan sebahagian daripada lengkung $y = f(x)$ dan tangen kepada lengkung itu di titik $B\ (1, 8)$.
Diagram shows part of the curve $y = f(x)$ *and the tangent to the curve at the point* $B\ (1, 8)$.



Diberi fungsi kecerunan bagi lengkung itu ialah $-2x$.
It is given that the gradient function of the curve is $-2x$.

(a) Cari / *Find*
(i) persamaan lengkung ,
the equation of the curve ,
(ii) persamaan tangen kepada lengkung itu di titik B.
the equation of the tangent at point B.

[4 markah/*marks*]

(b) Tunjukkan bahawa luas rantau R ialah $\frac{20}{3}$ unit^2.
Show that the area of region R is $\frac{20}{3}$ *unit*^{2}.

[3 markah/*marks*]

(c) Cari isipadu janaan, dalam sebutan π, apabila rantau yang dibatasi oleh lengkung $y = f(x)$, paksi-y dan garis lurus $y = 8$ dikisarkan melalui 360° pada paksi-y.
Find the volume of revolution, in terms of π, *when the region bounded by the curve* $y = f(x)$, *the straight line* $y = 8$ *and the y-axis is rotated through* 360° *about the y-axis.*

[3 markah/*marks*]

9 (a) Dalam satu latihan menembak, kebarangkalian tembakan Afiq mengena sasaran ialah p.
In a shooting practice, the probability that Afiq's shots hitting the target is p.

(i) Cari nilai p supaya min dan varians tembakan yang mengena sasaran masing-masing ialah 28 dan 12.
Find the value of p so that the mean and the variance hitting the target are 28 and 12 respectively.

(ii) Jika Afiq melakukan 6 tembakan, cari kebarangkalian bahawa sekurang-kurangnya dua tembakan mengena sasaran.
If Amir has taken 6 shots, find the probability that at least two shot hit the target.

[5 markah/*marks*]

(b) Jisim bijirin yang diisi oleh sebuah mesin ke dalam beg-beg adalah mengikut satu taburan normal. Diberi 9.01% daripada beg tersebut mempunyai jisim melebihi 56.2 kg dan 3.14% daripada beg tersebut mempunyai jisim kurang daripada 43.4 kg. Carikan min dan sisihan piawainya.
The masses of cereals filled by a machine into the bags have a normal distribution. Given 9.01% of the cereals of the bag s have a mass of more than 56.2 kg and 3.14% of the bags have a mass of less than 43.4 kg.Find the mean and the standard deviation

[5 markah/*marks*]

10 Titik P bergerak dengan keadaannya sentiasa sama jarak dari titik $Q(7,8)$ dan titik $R(4,11)$.Titik S pula bergerak dengan jaraknya dari titik $T(8,7)$ adalah sentiasa 5 unit. Lokus titik P dan lokus titik S bersilang pada dua titik.
Point P moves such that it is always the same distance from the points $Q(7,8)$ *and* $R(4,11)$.*Point S moves such that its distance from point* $T(8,7)$ *is always 5 units. The locus of point Pand the locus of point S intersect at two points.*

(a) Cari persamaan lokus bagi titik P.
